

BAB IV

DILEMA MASYARAKAT CINA

4.1 Pengenalan

Proses tuntutan kemerdekaan Malaysia dilicinkan dengan kewujudan kompromi dan permuafakatan antara para pemimpin UMNO dan MCA yang telah dirintis oleh Perikatan sejak tahun 1953. Ini memudahkan pencapaian persetujuan rundingan antara kaum menjelang kemerdekaan yang lebih dikenali sebagai “Racial Bargain”. Persetujuan tersebut kemudiannya dimaktubkan dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957 yang memperlihatkan orang Cina memperoleh hak kerakyatan. Dengan adanya hak kerakyatan ini, masyarakat Cina sebenarnya memiliki kuasa berpolitik di negara ini. Para pemimpin MCA mempersepsikan kuasa berpolitik ini begitu penting kepada *survival* bangsa Cina di negara ini. Keadaan ini mendorong mereka bersetuju untuk menerima kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu dalam “Racial Bargain”. Mereka beranggapan bahawa keistimewaan dan ketidaksamarataan hak dapat diperbetul dengan kuasa politik yang dimiliki. Namun perjalanan sejarah negara ini membuktikan keadaan ini tidak berlaku. Malah kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu kemudiannya telah diguna untuk memperjuangkan agenda orang Melayu yang seterusnya menyebabkan penghakisan kepentingan masyarakat Cina.

Peristiwa 13 Mei telah menandakan satu era baru untuk Malaysia dan orang Melayu secara khususnya. Dengan kerajaan pimpinan Tun Razak dan kemudiannya Dr. Mahathir Mohamad yang lebih komited kepada perjuangan agenda Melayu, maka kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu mendapat pembelaan yang tuntas.

Hal yang demikian dapat dilaksanakan kerana penyusunan semula kuasa politik negara ini selepas peristiwa rusuhan kaum itu telah menampilkan hegemoni kuasa politik Melayu. Dengan kekuasaan politik ini, pemimpin-pemimpin UMNO mula menggubal dan melaksanakan beberapa dasar negara untuk menjaga kepentingan orang Melayu. Antara dasar ini, DEB merupakan dasar yang terpenting untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun DEB merupakan dokumen ekonomi, namun kesannya mencakupi segenap kehidupan. Impaknya dapat dilihat dalam kata-kata di bawah :

Since 1971 when the new Economic Policy was implemented, Malaysia has increasingly become an ethnic hegemonic state as a result of a shift in political and economic resources to the state and the Bumiputera elites. The Malaysian state has gradually become ... the Bumiputera state ... the implementation of the NEP has changed the character of the state's political, economic, and social control. The content of the NEP has determined, not only the economic conditions, but also the political agenda and social order of Malaysian society.

(Ho 1988 : 2-3)

Pelaksanaan dasar-dasar pro-Melayu, terutamanya DEB yang didukungi kuasa hegemoni politik Melayu menampilkan cabaran dan gugatan baru yang tidak pernah dialami oleh komuniti Cina sebelum ini. Kekuasaan UMNO dalam BN telah menyumbang kepada pemungkiran politik orang Cina di negara ini (Heng 1988 : 261 ; Chee 1991). Pemungkiran kuasa politik ini menyebabkan pemimpin-pemimpin politik Cina baik daripada parti pemerintah ataupun parti pembangkang tidak mampu mempertahankan kepentingan orang Cina. Keadaan yang demikian menyumbang

kepada kemunculan dilema masyarakat Cina yang merangkumi berbagai-bagai bidang. Perbincangan yang seterusnya memfokus kepada topik ini.

4.2 Dilema Politik Kepartian Orang Cina

Pembabitan orang Cina secara aktif dalam politik negara ini bermula sejak awal tahun 1950-an. Kecenderungan ini terjadi kerana beberapa peristiwa, umpamanya penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952 yang membayangkan penjajah British akan memberikan kemerdekaan kepada negara ini. Dengan perkembangan ini orang Cina mula menyertai kegiatan politik nasional demi melindungi hak dan kepentingan mereka. Mereka berpegang kepada prinsip kesamarataan hak untuk semua kaum di negara ini. Pada anggapan mereka dengan prinsip ini tiada kaum akan diberi layanan istimewa ataupun didiskriminasikan. Oleh itu apabila para pemimpin Huatuan mengetahui MCA terlalu bertolak ansur kepada pemimpin-pemimpin UMNO dalam “Racial Bargain”, mereka telah mengcam hebat tindakan tersebut.

Perjalanan sejarah pembabitan orang Cina dalam politik negara ini menunjukkan perjuangan bagi mendapatkan kesamarataan hak tidak berhenti setakat termeterainya Perlembagaan Kemerdekaan. Ini dapat dilihat dalam perjuangan Dr. Lim Chong Eu ketika menerajui MCA yang seterusnya membawa kepada Krisis Perikatan pada tahun 1959. Perjuangan Lee Kuan Yew di bawah slogan “Malaysian Malaysia” pada tahun 1960-an juga berteraskan prinsip tersebut. Kempen hangat pilihan raya umum 1969 yang dikendalikan oleh parti-parti pembangkang Cina dalam beberapa isu, umpamanya pertikaian terhadap hak istimewa orang Melayu

mencerminkan arah perjuangan tersebut. Malah perjuangan politik orang Cina pada zaman-zaman seterusnya turut bertunjangkan semangat kesamarataan hak (Thock 1994 : 174).

Walau bagaimanapun perjuangan kesamarataan hak masyarakat Cina telah dikekangi oleh hegemoni kuasa politik Melayu selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei. Hegemoni Melayu yang wujud meletakkan kedudukan orang Melayu tidak mungkin dicabar oleh orang Cina. Keadaan yang demikian berjaya melenyapkan suara perjuangan kesamarataan hak masyarakat Cina untuk satu tempoh yang agak lama. Suara tersebut hanya timbul semula pada pertengahan tahun 1980-an. Dengan kehegemonian UMNO dalam BN, kuasa tawar-menawar parti-parti politik Cina, iaitu MCA dan Gerakan semakin merosot dan menjadi lemah (Vasil 1980 : 206).

MCA merupakan parti dominan yang mewakili masyarakat Cina menjelang kemerdekaan. Penubuhan parti dalam tahun 1949 yang bertunjangkan perjuangan hak dan kepentingan orang Cina telah mendapat sambutan yang baik daripada komuniti itu. Namun tahun 60-an pula menyaksikan populariti dan pengaruhnya merosot akibat kegagalan dalam menegakkan kepentingan masyarakat Cina, terutamanya isu bahasa dan pendidikan Cina. Parti itu menerima tamparan paling buruk dalam pilihan raya umum tahun 1969 apabila kebanyakan orang Cina yang menyisihkan calonnya dalam pengudian menyebabkannya hanya memenangi 13 kerusi parlimen daripada 33 kerusi yang ditandingi. Natijahnya para pemimpin UMNO beranggapan bahawa peranan MCA dalam kerajaan patut dikurangkan dan UMNO perlu diberi satu kedudukan

yang lebih dominan (*Ibid.* : 178). Parti itu turut diberi amaran oleh Dr. Ismail Abdul Rahman agar “tidak hidup segan mati tak mahu” (Milne & Mauzy 1982 : 222).

Kekalahan pahit tersebut ternyata menghakis kewibawaan MCA sebagai pejuang suara orang Cina. Senario ini sudah pasti membawa impak yang mendalam terhadap keberkesanannya dalam BN apatah lagi parti itu terpaksa menghadapi hegemoni UMNO dalam dimensi baru politik negara ini selepas tahun 1969. Sebelum kita meneliti bagaimana parti itu beroperasi di bawah kerangka kehegemonian UMNO, adalah lebih baik bagi kita menjuruskan perbincangan kepada corak kepemimpinan parti itu yang sudah tentu akan mempengaruhi dinamika hubungannya dengan UMNO.

Parti MCA yang diasaskan oleh golongan atasan dalam masyarakat Cina, terutamanya saudagar-saudagar Cina selalu dilabel sebagai sebuah parti tauke (Lee 1987 : 90). Walaupun barisan pimpinan parti itu telah diterajui oleh golongan berpendidikan dan profesional dalam tahun 70-an dan 80-an, namun label itu sukar lulus daripada tanggapan orang ramai. Hal ini demikian kerana parti itu terus-menerus terbabit dalam perniagaan. Bermula dengan penubuhan Koperatif Serbaguna Malaysia (KSM) pada tahun 1968, MCA mengorak langkah menuju MPHB dalam tahun 1975 dan seterusnya melancarkan Gerakan Pengkorporatan (The Corporatisation Movement)¹ pada awal tahun 1980-an. Malah dalam tahun 1990

¹ Gerakan ini merupakan usaha ke arah menyelamat dan mempertahankan kedudukan ekonomi orang Cina dengan menyeru syarikat-syarikat Cina yang kecil untuk bergabung dan persatuan-persatuan Cina disyorkan supaya menubuhkan syarikat pelaburan bagi mengumpul dana daripada ahlinya. Dalam hal ini MCA menonjolkan MPHB sebagai mercu kejayaan gerakan tersebut. Untuk keterangan lanjut, lihat Yeoh (1987) dan perbincangan dalam Bab V.

parti itu dikatakan terbabit dalam pengambilalihan MPHB oleh Kamunting Corporation Bhd. (Gomez 1994 : 223).

Pembabitan MCA dalam perniagaan telah menghakis keberkesanannya sebagai pelindung hak dan kepentingan orang Cina. Fenomena ini menyebabkan hala tuju perjuangan parti yang sepatutnya bersandarkan kepentingan komuniti Cina telah dikaburkan oleh kepentingan perniagaan milikan parti ataupun pemimpin-pemimpin tertentu. Keadaan ini dapat dilihat dalam kes penyelewengan dana MPHB oleh Tan Koon Swan bagi menyelamatkan syarikat perniagaannya. Ini pula diikuti oleh beberapa orang pemimpin MCA yang melakukan pecah amanah dalam skandal Koperasi Penerima Deposit.²

Dalam pada itu, sebagai sebuah parti komponen dalam badan pemerintah, iaitu BN yang menguasai sumber-sumber ekonomi negara, MCA turut memperoleh agihan kepentingan ekonomi. Umpamannya ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Daerah dari MCA dilaporkan berupaya mendapat tender-tender kerajaan. Trend ini mendorong ramai ahli MCA menganggap jawatan dalam parti itu sebagai laluan bagi memperoleh kekayaan. Oleh yang demikian parti itu dikatakan diresapi utilitarianisme yang menebal dan hanya dengan mengejar kepentingan diri barulah seseorang ahli itu dapat melihat manfaatnya dalam parti (Hou 1993 : 131). Dengan kecenderungan ini maka para pemimpin parti itu di pelbagai peringkat selalu mengambil pendirian dan tindakan

² Antara pemimpin yang terbabit ialah Kee Yong Wee, Ketua Pemuda MCA pada waktu itu yang menjawat jawatan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Wang Choon Wing, Setiausaha Organisasi MCA dan Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Kebudayaan.

yang membelakangi kepentingan masyarakat Cina demi kepentingan dan peluang kerjaya politiknya dalam kerajaan. Keadaan ini digambarkan dengan jitu oleh seorang pengkaji :

Unable to champion communal cause vigorously under the hegemonic rules established by UMNO and certainly unwilling to risk being dismissed from participating in government, the non-Malay political elites could not avoid the steady erosion of their communal base of support to the DAP.

(Chee, 1991 : 80)

Kegagalan MCA memperjuangkan hak dan kepentingan komuniti Cina mengakibatkan parti itu sukar meraih sokongan pengundi-pengundi Cina. Dalam sesuatu pilihan raya umum sebelum tahun 1995 biasanya MCA dan Gerakan hanya mampu mendapat 20% hingga 30% daripada undi masyarakat Cina (Ho 1995 : 8-9). Hal ini menyebabkan para pemimpin MCA terpaksa bergantung kepada pengaruh UMNO untuk memenangi pilihan raya. Sudah menjadi satu kebiasaan bagi mereka bertanding di kawasan pilihan raya majoriti pengundi Melayu.³ Menurut Heng Pek Koon (1988 : 269) pergantungan ini menyumbang kepada manipulasi oleh pucuk pimpinan UMNO terhadap MCA dengan lebih mudah. Perkembangan ini mengekang MCA untuk memainkan peranan yang efektif dalam masyarakat Cina dan kuasa untuk tawar-menawar dengan UMNO juga terjejas. Dalam hal ini MCA seolah-olah

³ Satu kekecualian telah berlaku dalam tahun 1982 apabila Presiden MCA, Lee San Choon mengambil keputusan untuk mencabar pengurus DAP, iaitu Dr. Chen Man Hin di kawasan parlimen Seremban. Dalam pertandingan sengit itu, Lee San Choon berjaya menewaskan tokoh pembangkang tersebut dengan undi tipis.

terjerumus ke dalam satu kitaran yang semakin menghakis pengaruhnya dalam mayarakat Cina dan juga kerajaan.

Dilema MCA tidak setakat itu sahaja. Malah parti itu pula dihimpit krisis autoriti (Ho 1995 :52). Krisis ini terbentuk kerana MCA semacam sudah hilang kredibiliti dan komuniti Cina tidak menerima kepimpinannya. Punca pertama kepada krisis ini ialah MCA mengalami satu siri perebutan kuasa yang tidak berkesudahan.⁴ Apa yang menyediakan orang Cina ialah hampir kesemua perebutan kuasa ini tidak berkaitan dengan perjuangan untuk menegakkan kepentingan orang Cina. Hanya perebutan kuasa tahun 1958 antara Dr. Lim Chong Eu dan Tan Cheng Lock merupakan satu kekecualian. Kerengganan hubungan MCA dengan Huatuan juga menjadi sebab kedua dalam masalah ini. Pendirian MCA yang tidak sehaluan dengan pertubuhan Cina dalam soal bahasa dan pendidikan Cina menjadikannya sebagai sasaran kecaman orang Cina. Faktor ketiga ialah hambatan dan ketidakberkesanan parti itu berfungsi di bawah satu kerangka sistem politik yang bukan berdasarkan konfusianisme (Ibid. : 52-54). Hal ini demikian kerana hegemoni kuasa politik Melayu telah menyekat corak kepemimpinan MCA.

Dilema-dilema yang semakin menghimpit sebenarnya telah memaksa MCA mengambil tindakan yang lantang. Ini dapat dilihat melalui tindakan parti itu membuat

⁴ Perebutan ini telah bermula antara Lim Chong Eu dengan Tan Cheng Lock (1958), Lim Keng Yek dan Alex Lee dengan Tan Siew Sin (1973), Michael Chen dengan Lee San Choon (1979), Neo Yee Pan dengan Tan Koon Swan (1984), dan Lee Kim Sai dengan Ling Liang Sik (1990).

tiga kali ugutan untuk keluar daripada BN dari tahun 1986 hingga 1988⁵ (Ibid : 40). Punca kepada ugutan pada tahun 1986 ialah kelewatan kerajaan membantu pendeposit-pendeposit yang terhimpit dalam skandal Koperasi Penerima Deposit. Ugutan kali kedua berpunca daripada penempatan pentadbir tanpa kelayakan bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Manakala ugutan pada tahun 1988 pula berpunca daripada kegagalan kerajaan melayani tuntutan-tuntutan masyarakat Cina. Kewibawaan MCA sebagai pembela kepentingan masyarakat Cina yang semakin tergugat telah mendorong parti itu mengambil langkah drastik demikian. Namun di bawah hegemoni UMNO, tindakan tersebut kurang mendatangkan hasil.⁶

Walaupun MCA merupakan parti dominan masyarakat Cina pada waktu kemerdekaan, tetapi kemunculan parti DAP dan Gerakan dalam tahun 60-an juga mempengaruhi peranannya. Dengan kemunculan ini, maka politik orang Cina di Semenanjung Malaysia dikatakan berlandaskan tiga pendekatan yang diwakili oleh MCA, DAP, dan Gerakan (Lee 1987). Dalam hal ini MCA dan Gerakan yang menganggotai BN terpaksa akur dengan hegemoni politik UMNO. Manakala DAP memainkan peranan sebagai pendesak dan pengkritik kepada dasar-dasar kerajaan. Sungguhpun parti-parti politik yang membela kepentingan masyarakat Cina telah bertambah tetapi orang Cina tetap dikekangi pelbagai masalah dan dilema.

⁵ Sebelum berbuat demikian, MCA kelihatan mula mengubah haluan perjuangan parti itu dengan menjuarai kepentingan komuniti dan oleh itu memperlihatkan kelantangannya dalam tempoh itu, lihat Chamil (1988 : 152-172).

⁶ Umpamanya MCA hanya berjaya mendesak kerajaan memberi bantuan kepada pendeposit-pendeposit koperasi yang diatur oleh Bank Negara dengan pakej bantuan 50% sahaja.

Parti Gerakan yang diasaskan oleh Dr. Lim Chong Eu, bekas presiden MCA memang berhasrat menggantikan MCA dalam BN. Namun pengaruhnya yang terbatas di bahagian utara Semenanjung Malaysia, terutamanya di Pulau Pinang menjadi penghalang kepada pencapaian hasratnya. Malah keanggotaan Gerakan dalam BN membolehkannya berfungsi sebagai pesaing kepada MCA dan oleh itu kedua-dua buah parti itu sering bercakaran dalam usaha meraih perhatian dan sokongan UMNO. Dengan perkembangan ini kedua-dua buah parti itu didapati tidak mahu menonjolkan diri sebagai pejuang kepentingan Cina yang tegas agar tidak menyakiti hati para pemimpin UMNO. Maka keadaan ini menyumbang kepada pembentukan satu kuasa yang saling mengekang antara kedua-dua buah parti tersebut.

Sementara itu DAP merupakan parti yang lantang memperjuangkan kesamarataan hak untuk semua rakyat dan kepentingan masyarakat Cina. Sejak bertanding buat julung kali di pilihan raya umum 1969 dan memperoleh prestasi yang memberangsangkan, parti itu terus bertapak dan merupakan sebuah parti pembangkang yang berpengaruh di negara ini. DAP yang mendapat sokongan orang Cina daripada golongan kelas menengah dan kelas bawahan memiliki kekuatannya di kawasan bandar. Ini bermakna parti itu bersaing dengan MCA dan Gerakan untuk meraih sokongan masyarakat Cina. Jadual di bawah menunjukkan hubungan prestasinya dengan MCA dan Gerakan :

Jadual 4.1 Prestasi Parti-parti Politik Cina dalam Pilihan Raya Umum Berbanding dengan UMNO (Kerusi Parlimen)

Tahun	MCA	Gerakan	DAP	UMNO
1959	19	-	-	52
1964	27	-	-	59
1969	13	8	13	51
1974	19	5	9	61
1978	17	4	15	69
1982	24	5	9	70
1986	17	5	24	83
1990	17	5	20	71
1995	30	7	9	89
1999	28	7	10	72

Sumber : Ho (1995 : 48) ; *Nanyang Siang Pau*, 1.12.1999.

Jadual di atas menunjukkan prestasi MCA dan DAP dalam pilihan raya umum mempunyai hubungan yang rapat. Kita dapat merumuskan bahawa apabila DAP memperoleh keputusan cemerlang, MCA pula berprestasi buruk atau sebaliknya. Umpamanya dalam pilihan raya umum 1986, DAP memenangi 24 kerusi parlimen berbanding dengan MCA yang hanya mendapat 17 kerusi. Keadaan sebaliknya yang memihak kepada MCA telah berlaku dalam pilihan raya umum 1995. Trend ini menjelaskan bahawa pola pengundian orang Cina bukan sesuatu yang kekal tetapi pola ini lebih bersifat menghayun antara dua hujungan mengikut sentimen politik pada ketika itu. Oleh itu DAP tetap berperanan dalam politik masyarakat Cina. Namun seperti juga MCA dan Gerakan, DAP turut dilanda keadaan “cul-de-sac” kerana pandangannya jarang diberi perhatian dalam penggubalan dasar kerajaan (Heng 1988 : 276). Malah kehadiran DAP di arena politik negara ini juga didapati menghambat keberkesanan MCA dan Gerakan untuk melindungi kepentingan komuniti Cina :

Futhermore, non-Malay opposition electoral gains trim the representation of the MCA or Gerakan and through this, weaken their bargaining position within the coalition. Finally, an opposition such as the DAP, when portrayed as a chinese threat, rallies Malay solidarity.

(Lee 1997 : 101)

4.3 Dilema Ekonomi

DEB yang dilaksanakan mulai tahun 1971 bagi tempoh 20 tahun telah menjadi penghalang kepada kegiatan ekonomi orang Cina di Malaysia.⁷ Masyarakat Cina yang sebelum ini menikmati kebebasan dalam sektor ekonomi terpaksa mendepani satu situasi kekangan yang tidak pernah dialami. Intervensi kerajaan menerusi berbagai-bagai alat pemerintah atas nama penyusunan semula masyarakat menampilkkan impak yang tuntas dalam masyarakat. Ini dapat dilihat dalam ungkapan “... the NEP meant imposing anew the state’s hegemony on all social classes and ethnic communities” (Khoo 1997 : 56). Oleh sebab orang Cina merupakan golongan etnik yang amat aktif dalam kegiatan ekonomi, maka mereka menerima natijah yang paling buruk dalam proses intervensi ekonomi.

4.3.1 Himpitan DEB Terhadap Ekonomi Orang Cina

Proses penyusunan semula masyarakat yang ditekankan dalam pelaksanaan DEB merupakan punca utama kepada keimbangan dan masalah ekonomi komuniti Cina (Lim 1988 : 43). Pada peringkat awal pelaksanaan DEB, orang Cina memang

⁷ Untuk perbincangan yang lengkap tentang impak pelaksanaan DEB terhadap ekonomi orang Cina, lihat umpamanya Heng (1997) dan Jesudason (1989).

kurang memahami kemungkinan kesan sebenar proses penyusunan itu. Namun dengan pelaksanaan Akta Koordinasi Industri (AKI) dalam tahun 1975, barulah mereka mengetahui himpitan yang bakal menimpa mereka. Sektor pembuatan yang banyak diusahakan oleh orang Cina menerima kesan yang paling buruk. Di bawah akta ini, syarikat-syarikat yang modalnya melebihi RM 100,000 atau mempunyai bilangan pekerja tetap lebih daripada 25 orang mesti memperuntukkan 30% daripada sahamnya kepada bumiputera. Di samping itu corak guna tenaga dalam sesebuah syarikat juga dikehendaki mencerminkan komposisi rakyat di negara ini (Jesudason 1989 : 136-137).

AKI memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menarik balik lesen syarikat yang tidak akur dengan peruntukannya. Tambahan pula, pengusaha kilang mesti memohon kebenaran bagi mengembang dan mempelbagaikan pengeluaran mereka. Untuk mendapat kelulusan, mereka harus mematuhi bukan sahaja kehendak ekuiti dan guna tenaga, malah syarat-syarat lain termasuklah pelantikan pengedar dan perkhidmatan profesional daripada golongan bumiputera. Dengan peruntukan-peruntukan yang ketat ini maka para pengusaha Cina menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah :

The act caused most grievances among owners of long established enterprise because they had been toiling in business for long hours, bearing many years of risk taking and accumulating hard earned savings for investment over the years. And now with the Act, the owners were expected to recruit new business partners of different culture, religion race to share their fruits of business success.

(Ng 1998 : 105)

Natijah daripada syarat-syarat AKI yang ketat ini, ramai usahawan Cina, terutamanya dari sektor pembuatan mendapati keuntungan yang diperoleh tidak setimpal dengan jumlah kos. Keadaan yang demikian memaksa mereka bersikap negatif dengan tidak membuat pelaburan baru. Sesetengah usahawan pula mengehadkan saiz syarikat mereka ataupun membahagikan perniagaan mereka kepada dua atau lebih buah syarikat bagi mengelak daripada sekatan-sekatan AKI (Jesudason 1989 : 149). Manakala syarikat-syarikat besar Cina pula cenderung mengamalkan strategi jangka pendek dalam urusan perniagaan mereka dengan bertindak melabur dalam projek-projek yang menjanjikan keuntungan cepat, seperti projek pembangunan hartanah.

Di samping AKI, kerajaan juga melaksanakan beberapa strategi lain untuk mempertingkat pemilikan saham orang Melayu yang turut mengakis kepentingan ekonomi orang Cina. Antaranya ialah usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penawaran Modal (Capital Issues Committee) yang mensyaratkan setiap syarikat yang ingin menyenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur menawarkan 30% daripada sahamnya kepada kaum bumiputera.

Selain itu ditubuhkan pula agensi-agensi pemegang amanah, iaitu Permodalan National Berhad (PNB), Perbadanan National (Pernas), dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bertujuan memegang saham dan mengumpul kekayaan korporat untuk golongan bumiputera demi kepentingan ekonomi orang Melayu. Manakala penubuhan Majlis Amanah Rakyat atau MARA (1965) dan Urban

Development Authority, iaitu UDA (1972) pula berperanan memacu daya keusahawanan peniaga-peniaga Melayu.

Usaha-usaha mempertingkat modal Melayu di atas diperkasakan lagi dengan kewujudan perbadanan awam yang banyak, iaitu sudah mencecah 1149 buah pada tahun 1992 (Gomez & Jomo 1997 : 31). Sementara itu, dengan galakan dan bantuan kerajaan syarikat-syarikat perniagaan bumiputera bertambah dengan ketara. Akibat perkembangan ini, peniaga-peniaga Cina terpaksa mendepani satu situasi persaingan yang hebat. Hal ini demikian kerana peluang-peluang perniagaan yang wujud dalam sektor awam, iaitu membekalkan alatan dan perkhidmatan kepada agensi-agensi kerajaan hampir kesemuanya diberi kepada syarikat-syarikat bumiputera tersebut (Heng & Sieh Lee 2000 : 137).

Dalam pada itu kerajaan turut menerapkan strategi “ethnic bypass” melalui kerjasama dan usaha sama dengan pemodal-pemodal asing dalam perniagaan yang melibatkan modal dan teknologi tinggi. Usaha ini memperlihatkan peminggiran ahli-ahli korporat Cina dalam perkembangan sektor ekonomi yang utama. Langkah ini diambil bagi mengurangkan pergantungan modal Melayu kepada uasahawan-usahawan Cina dan pengaruh mereka terhadap ekonomi Malaysia (Jesudason 1989 : 167). Perkembangan-perkembangan ini mengakibatkan peluang perniagaan orang Cina semakin menguncup. Hal ini menyumbang kepada ketidakpuasan dan kecaman komuniti Cina terhadap DEB. Untuk mengatasi masalah kekurangan peluang dan halangan perniagaan di dalam negeri, maka golongan tersebut mengambil langkah

dengan melabur di luar negeri dan ini seterusnya menampilkan masalah pelarian modal. Contohnya Kuok Brothers mula melabur di Hong Kong dalam tahun 1970-an.

4.3.2 Respons MCA dan Usahawan Cina

Pucuk pimpinan MCA menyedari akan kesan sampingan yang dibawa oleh dasar intervensi kerajaan mengekang peranannya sebagai parti politik yang memperjuangkan kepentingan orang Cina. Dalam keadaan ini parti itu terpaksa bergantung kepada inisiatif dan keupayaan diri sendiri untuk memperkasakan peranannya. Salah satu usaha yang dilakukan ialah penubuhan MPHIB dan ia merupakan langkah yang diambil oleh pimpinan Tan Siew Sin pada tahun 70-an untuk memberi nafas baru kepada parti dan meraih sokongan komuniti Cina (Gale 1985 : 40 ; Searle 1999 : 178). Kemunculan MPHIB di tengah-tengah kewujudan perbadanan awam dan syarikat bumiputera yang banyak bermatlamatkan penjagaan kepentingan ekonomi orang Cina. Dengan matlamat ini maka syarikat itu sebenarnya berada di landasan yang bertentangan dengan agenda perjuangan ekonomi Melayu. Hal yang demikian menyebabkan sesetengah pemimpin UMNO melihat kegiatannya sebagai gugatan kepada pengumpulan modal Melayu. Oleh itu kadang kala urus niaga syarikat itu mendapat tentangan dari UMNO dan ini dapat dilihat dalam kes cubaan MPHIB untuk mengambil alih bank UMBC dalam tahun 1981. Dalam banyak kes syarikat konglomerat itu terpaksa pasrah kepada tuntutan UMNO.

Selain itu Gerakan Pengkorporatan tajaan MCA yang bertujuan memperkasa kepentingan ekonomi orang Cina telah menyulitkan dilema ekonomi orang Cina dengan tercetusnya skandal Koperasi Penerima Deposit dalam bulan Ogos 1986.

Kesan skandal ini sangat luas dan mempengaruhi kehidupan 588,000 orang rakyat yang kebanyakannya orang Cina serta melibatkan wang deposit yang berjumlah RM 1.4 bilion (Gomez 1999 : 89). Pendeposit-pendeposit yang hampir keseluruhannya terdiri daripada golongan pekerja telah kehilangan tabungan seumur hidup mereka. Kelewatan dalam memberi bantuan kepada mereka mengakibatkan golongan ini dilanda kebimbangan dan keperitan yang amat besar. Dengan peletusan skandal ini maka Gerakan Pengkorporatan turut terkubur pada pertengahan tahun 80-an.

Ketidakupayaaan MCA dalam memelihara kepentingan ekonomi orang Cina membawa impak yang mendalam terhadap hubungan parti itu dengan golongan peniaga Cina. Hubungan intim yang terjalin sekian lama antara para peniaga itu dengan MCA semakin terhakis lantaran kegagalan parti itu memberi penaungan (patronage) dalam perniagaan (Gomez 1994 : 289). Kecenderungan ini memaksa elit-elit ekonomi Cina mencari penaung baru yang mampu membantu mereka dalam keadaan ekonomi yang semakin menghimpit. Golongan ini mendapati adalah lebih menguntungkan sekiranya berurusan secara langsung dengan penaung-penaung dari UMNO dan kerabat diraja (Heng 1998 : 68). Kemunculan bentuk penaungan baru ini berkait rapat dengan pelaksanaan DEB seperti dalam huraian di bawah :

In the Malaysian context the material benefits available under the ethnic preferential system have also created the environment for an expansion of patronage networks. These networks cross ethnic boundaries and, indeed can provide the means for non-Malays to survive and prosper in what might seem an inhospitable environment.

(Means 1986 : 114)

Pemimpin-pemimpin UMNO dan golongan kerabat diraja didekati oleh para usahawan Cina kerana mereka memiliki kuasa politik ataupun pengaruh dalam pengagihan sumber ekonomi. Keadaan ini mendorong kesanggupan mereka memberi sokongan kepada tokoh-tokoh politik Melayu dalam kempen pilihan raya umum (Heng 1998 : 269). Kemunculan bentuk penaungan yang baru ini merupakan strategi adaptasi dalam perniagaan yang terpaksa diterapkan oleh usahawan-usahawan Cina natijah daripada dasar intervensi ekonomi negara.

Heng Pek Koon (1992 : 127) dalam kajiannya mendapati tokoh korporat Cina dari jenis perniagaan keluarga yang memiliki ikatan dengan penaung Melayu merupakan golongan peniaga Cina yang paling berjaya dalam era DEB. Namun kejayaan ini tidak mantap dan terdedah kepada risiko apabila struktur kuasa politik Melayu di negara ini berubah (Ibid. ; Searle 1999 : 196). Ini dapat dilihat dalam kejayaan dan kesulitan yang dihadapi oleh Khoo Kay Peng dan syarikat konglomeratnya, Malayan United Industries (MUI). Kejayaan beliau selalu dikaitkan dengan hubungan rapatnya dengan Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan pada ketika itu. Walau bagaimanapun apabila tokoh politik itu tewas dalam perebutan jawatan presiden UMNO tahun 1987, MUI mula menghadapi pelbagai rintangan. Tekanan politik dari UMNO (Team A) akhirnya memaksa ahli korporat itu melepaskan penguasaannya terhadap MUI Bank, sebuah anak syarikat yang paling banyak menyumbangkan keuntungan (Searle 1999 : 202). Manakala kejatuhan Lim Thian Kit dan syarikat konglomeratnya, Kamunting Corporation Bhd. yang ada kaitan dengan Anwar Ibrahim pula berlaku setelah pemecatan Timbalan Perdana Menteri itu pada September 1998.

Bentuk penaungan ini kemudiannya berkembang dalam banyak syarikat besar Cina. Usahawan-usahawan Cina mula melantik ahli-ahli politik UMNO dan bekas pegawai-pegawai tinggi Melayu dalam perkhidmatan awam yang berpengaruh sebagai pengarah ataupun ahli lembaga pengarah. Mereka sanggup berbuat demikian kerana adalah sukar untuk mereka berurusan dan memperoleh peluang perniagaan daripada birokrat-birokrat Melayu dalam era DEB. Melalui penggunaan golongan Melayu yang berpengaruh ini sebagai pengantara maka syarikat-syarikat Cina masih mampu mendapat peluang atau konsesi dalam perniagaan.

Manakala peniaga-peniaga Cina yang kecil terpaksa mengaplikasikan strategi yang berlainan dalam mendepani dasar intervensi ekonomi negara. Mereka yang terhimpit akibat pemberian lesen perniagaan yang terhad kepada mereka mula mengoperasikan perniagaan Ali-Baba (Jesudason 1989 : 149). Di bawah cara perniagaan ini, seseorang Melayu yang memperoleh lesen perniagaan akan menyerahkan lesennya kepada peniaga Cina dan sebagai ganti ruginya, pemilik lesen diberi sejumlah bayaran setiap bulan. Perkongsian perniagaan ini hanya pada nama sahaja dan rakan kongsi Melayu merupakan “*sleeping partner*” yang tidak menghiraukan perkembangan perniagaan serta tidak pernah mempelajari selok-belok perniagaan tersebut. Peniaga-peniaga Cina menyukai rakan kongsi yang demikian kerana hanya dengan sejumlah perbelanjaan sahaja, mereka mampu menceburi peluang perniagaan yang sepatutnya tertutup untuk mereka dan mereka pula berkuasa penuh terhadap perniagaan itu.

Pelaksanaan DEB membawa impak yang mendalam terhadap ekonomi orang Cina di negara ini. Dasar intervensi ekonomi negara yang bermatlamatkan pencapaian agenda ekonomi Melayu menampilkan berbagai-bagai masalah yang terpaksa ditempuhi oleh para usahawan Cina. Dengan demikian pengimplementasian DEB dikatakan telah menyebabkan modal Cina di negara ini tidak dapat berkembang (Yoshihara 1988). Walau bagaimanapun Case (1996 : 112) memberi satu penilaian yang objektif dengan mengatakan bahawa para usahawan Cina tidak kelihatan mengalami kehilangan yang ketara seperti yang dibimbangi pada awal era DEB.⁸ Situasi ini berlaku kerana daya adaptasi usahawan-usahawan Cina adalah tinggi. Huraian-huraian di atas sudah menjelaskan kepelbagaiannya strategi yang diterapkan untuk menangani perubahan-perubahan dalam ekonomi yang tidak lagi memihak kepada mereka. Usaha-usaha golongan ini kelihatan berjaya dan mereka mampu mengurangkan dilema ekonomi yang menghambat mereka.

4.3.3 Dasar Ekonomi Pasca-DEB

Tahun 1990-an memperlihatkan beberapa perkembangan baru dalam bidang ekonomi negara. DEB telah tamat tempohnya pada tahun 1990 dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN). Walaupun dasar ini berhasrat memantapkan kemajuan ekonomi, industrialisasi, dan penswastaan, namun DEB, iaitu penyusunan semula kekayaan negara berdasarkan kumpulan etnik terus mendapat perhatian dasar ini. Mauzy (1993 : 120) berpendapat DPN mengekalkan banyak matlamat asas, strategi, dan ciri DEB demi memajukan kedudukan ekonomi bumiputera supaya

⁸ Ada pendapat yang mengatakan bahawa DEB sebenarnya tidak mengurangkan modal Cina dan perkembangan kelas menengah Cina malah dasar itu turut menyumbangkan manfaat-manafat kepada mereka secara tidak langsung, lihat umpamanya Abdul Rahman (1998 : 108).

setanding dengan bukan bumiputera. Penekanan dalam hal ini dapat dilihat melalui perakuan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) :

The restructuring strategy under the NDP, while continuing to pay attention to employment and equity restructuring, will focus on measures towards the development of Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC) as a more effective strategy to increase meaningful Bumiputera participation in, and control of, the corporate and non-corporate sectors of the economy ... Although the economic position of the Bumiputera has improved considerably since 1970, the system of quotas, licences and other special assistance which has been implemented to help them especially in expanding their participation in the industrial, business and commercial sectors of the economy, will continue to be necessary in the nineties until the economic imbalances are corrected.

(Malaysia 1991b : 17)

Nukilan di atas jelas menunjukkan bahawa semangat DEB masih diwarisi dan akan diteruskan dalam DPN. Oleh sebab pengalaman masyarakat Cina dalam era DEB begitu pahit, maka ini menyebabkan mereka masih mencurigai DPN. Walau bagaimanapun apabila proses liberalisasi ekonomi semakin dilaksanakan dalam tahun 90-an, kebimbangan-kebimbangan ini turut mengendur.

Pelaksanaan dasar liberalisasi ekonomi mencerminkan hasrat kerajaan pimpinan Dr. Mahathir Mohamad bagi mencapai kadar perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi untuk menjana kemakmuran dalam negara. Dengan pencapaian kemakmuran ini maka segala ketidakpuasan rakyat dan konflik etnik dalam masyarakat dapat diminimumkan. Keadaan yang memberangsangkan aktiviti

perniagaan ini telah dimanfaatkan oleh para usahawan Cina dan oleh sebab itu, segala pandangan dan pegangan pesimistik masyarakat Cina terhadap kepentingan ekonomi mereka tidak lagi menjelma. Walau bagaimanapun dilema komuniti Cina dalam bidang lain, terutamanya pendidikan Cina terus menghimpit mereka. Topik ini menjadi fokus perbincangan seterusnya.

4.4 Dilema Pendidikan

Pendidikan merupakan suatu bidang yang menjadi teras kepada proses pembinaan negara-bangsa. Proses ini bertujuan mengukuh dan mendaulatkan imej, identiti, dan kewibawaan bangsa yang dikaitkan dengan negara. Dalam hal ini peranan pendidikan menjadi lebih menonjol apabila sesebuah negara itu merupakan negara baru dan masyarakatnya bersifat majmuk. Proses pembinaan negara-bangsa bagi masyarakat majmuk selalunya lebih beranjau lantaran kewujudan berbagai-bagai unsur perpecahan dan pertentangan antara kumpulan etnik. Hal ini berlaku kerana terdapat perbezaan falsafah dalam pembinaan rupa bangsa negara dan masa hadapan negara serta cara-cara untuk mencapainya. Dalam keadaan ini maka pendidikan dilihat sebagai alat yang unggul bagi menangani masalah masyarakat majmuk :

Dalam konteks konflik yang menyeluruh inilah pendidikan diharapakan boleh berfungsi sebagai satu kuasa yang paling berpengaruh bagi mengurangkan konflik sosial dan memudahkan perubahan sosial yang telah ditentukan dengan teratur. Sering di dalam masyarakat majmuk pendidikan diharapkan dapat memainkan peranan yang utama dalam pembinaan negara.

(Haris 1991 : 67)

Dalam menentukan hala tuju masyarakat majmuk, teori kemajmukan budaya atau asimilasi budaya selalunya menjadi pilihan kepada pemerintah sesebuah negara majmuk. Matlamat pendukung teori kemajmukan budaya ialah untuk mengekalkan pengasingan beberapa kumpulan kecil masyarakat bagi menjamin penerusan tradisi budaya keetnikan dan kewujudan kumpulan tersebut (Ibid. : 57). Manakala golongan yang menyokong model asimilasi budaya menginginkan supaya ciri-ciri keetnikan yang ada dihapuskan. Kedua-dua model ini dapat dilaksanakan menerusi penerapan dasar pendidikan yang berbeza. Chai Hon Chan (1971) berpendapat bahawa kebanyakan negara yang baru merdeka adalah cenderung menggunakan satu sistem pendidikan kebangsaan yang seragam untuk memupuk ideologi dan identiti kebangsaan. Penggunaan sistem pendidikan demikian yang mengehadkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada bahasa kebangsaan sebenarnya berlandaskan model asimilasi budaya.

4.4.1 Senario Dilema Pendidikan Cina

Dalam konteks Malaysia, sejarah perkembangan pendidikan negara menyaksikan pertembungan aliran kemajmukan budaya dan asimilasi budaya yang diwakili oleh multilingualisme dan monolingualisme. Menjelang kemerdekaan negara para pemimpin Melayu mendesak supaya dasar satu bahasa dan satu kebudayaan diterima oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Haris 1990 : 67). Pendirian yang demikian mencerminkan satu perjuangan ke arah asimilasi kemelayuan. Dengan kekuasaan politik yang dimiliki, agenda dan cita-cita perjuangan ini sudah direalisasikan. Umpamanya Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang lebih dikenali sebagai Laporan Razak telah memperakukan “matlamat akhir” sistem pendidikan

Malaysia bertujuan melahirkan Dasar pelajaran kebangsaan melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tunggal di semua sekolah.

Pertentangan dan perjuangan kedua-dua aliran itu dalam bidang pendidikan sebenarnya berlaku di pentas politik negara ini. Dengan pemerkasaan kuasa politik Melayu, pertentangan ini ternyata lebih memihak kepada aliran asmilasi budaya. Dengan demikian berbagai-bagai rintangan mula menghimpit pendidikan dalam masyarakat Cina. Keadaan ini telah memunculkan Dongjiaozong sebagai pertubuhan peneraju bagi pendidikan dalam masyarakat Cina dan arah perjuangannya dapat dilihat melalui petikan di bawah :

Dongjiaozong emerged to play a prominent role in Malaysian politics because its leaders in the early fifties persuasively articulated an alternative vision of a democratic multi-ethnic nation in which there could be space for minority languages and cultures. From this alternative vision, Dongjiaozong leaders have challenged the legitimacy of state policies on language, education and culture because these conflict with the ideals of a fair and just society.

(Tan 1992 : 197)

Era pelaksanaan DEB menyaksikan dilema pendidikan masyarakat Cina mencapai kemuncaknya. Rancangan Malaysia Kedua yang di dalamnya terkandung DEB telah memperaku pendidikan sebagai sarana yang paling mujarab dalam menyusun semula masyarakat (Malaysia 1971 : 237). Untuk tujuan itu, sistem kuota dan pengutamaan bidang kajian diperkenal di institusi pengajian tinggi sebagai langkah membantu pelajar bumiputera. Tambahan pula, Rancangan Malaysia Kedua turut

menggariskan pelaksanaan secara berperingkat bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Dengan penekanan-penekanan baru ini, maka kepentingan masyarakat Cina dalam bidang pendidikan semakin terhakis.

Berakhirnya DEB pada taun 1990 membawa beberapa perubahan baru kepada negara ini. Dasar-dasar kerajaan mula memperlihatkan sifat liberal. Malah Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad sendiri mengakui dalam satu wawancara bahawa dasar asimilasi tidak lagi sesuai untuk menangani masalah perpaduan kaum ⁹ (*Utusan Malaysia*, 7.8.1996). Kecenderungan ini juga terdapat dalam bidang pendidikan kerana dasar pendidikan negara sudah berubah kepada dasar liberalisasi dalam sistem pendidikan kebangsaan (Syed Azman 1996 : 11). Namun menurut Loot Ting Yee, naib pengurus Jiaozong, liberalisasi pendidikan ini tidak berlaku ke atas pendidikan Cina, malah sebaliknya menghadapikekangan yang lebih mencabar (*Nanyang Siang Pau*, 20.7.1999). Dilema pendidikan Cina ini dapat dilihat apabila kita meninjau kenyataan Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan pada ketika itu yang menyebutkan bahawa telah menjadi dasar kerajaan untuk tidak membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang baru (*Sin Chew Jit Poh*, 13.2.1999).

Jalan buntu dan dilema yang melanda pendidikan Cina secara terus-menerus mendorong para pejuang dan aktivis pendidikan Cina mengemukakan *Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dongjiaozong 1999* pada 1 Ogos 1999. Pada tanggapan

⁹ Menurut pemimpin itu zaman sudah berubah dan oleh itu tiada lagi usaha asimilasi di negara-negara di dunia, malah terdapat kesedaran etnik untuk mencari asal-usul kumpulan etnik di merata-rata tempat. Beliau menggesa supaya mencari jalan untuk merapatkan hubungan antara kaum. Walau bagaimanapun dalam satu interviu dengan pengkaji, seorang pemimpin Huatuan

pertubuhan itu dasar pendidikan negara masih meminggir dan mengancam pendidikan Cina. Oleh itu tuntutan-tuntutan dikemukakan bagi meraih sokongan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum 1999. Antara tuntutan yang penting ialah :

- * Untuk menyingkirkan dasar pendidikan satu bahasa, agar dapat merealisasikan semangat dan kepelbagaiannya yang ditekankan dalam Prinsip Toleransi,
- * Pihak kerajaan harus menyingkirkan sebarang langkah atau niat untuk menukar sifat Sekolah Tamil dan Cina, termasuk cadangan "Sekolah Wawasan", pelantikan guru-guru yang tidak berbahasa Cina untuk jawatan pentadbiran di sekolah rendah Cina, merampas hak-hak yang sedia ada pada Lembaga Pengurus dalam hal pengurusan sekolah dan sebagainya.

(Dongzong 1999 : 3-4)

Huraian-huraian di atas jelas menunjukkan terdapat pelbagai gugatan yang mampu mengancam kewujudan pendidikan Cina dan menghakis kepentingan komuniti Cina dalam bidang pendidikan Cina. Dilema-dilema yang melanda ini harus ditinjau dalam kerangka hegemoni budaya Melayu yang memperlihatkan keinginan untuk merealisasikan satu penguasaan yang tuntas dalam bidang kebudayaan.

4.4.2 Dilema Pendidikan Cina Dekad 70-an

Masyarakat Cina di negara ini amat sensitif terhadap sebarang perubahan dalam dasar pendidikan negara. Pengalaman-pengalaman pahit semasa mendepani penggubalan Laporan Razak dan Laporan Talib telah memberi iktibar kepada para pejuang pendidikan Cina supaya lebih berhati-hati dan bersikap kritis dalam

memberitahu bahawa Dr. Mahathir tidak banyak berubah dan pemkirannya dalam buku *Dilema Melayu*, iaitu berteraskan nasionalisme Melayu dan asimilasi terus menjiwainya hingga hari ini.

menangani isu pendidikan Cina. Umpamanya Perkara 133 dalam Laporan Talib turut memperaku bahawa matlamat akhir sistem pendidikan negara ialah menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam semua aliran sekolah di negara ini. Sementara itu Akta Pelajaran 1961 yang lahir dari laporan tersebut telah memuatkan Perkara 21(2) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menukar Sekolah Jenis Kebangsaan menjadi Sekolah Kebangsaan pada masa yang dianggap sesuai. Hal yang demikian menunjukkan gugatan terhadap pendidikan Cina semakin membelit dan membimbangkan.

Kebimbangan yang menguasai para pemimpin pendidikan Cina mendorong mereka bertindak cepat dalam isu pendidikan. Ini dapat dilihat apabila kerajaan mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada 9 Oktober 1974. Dongjiaozong telah berjaya meraih sokongan kira-kira 3400 buah Huatuan dari seluruh Malaysia untuk menghantar satu memorandum bersama kepada jawatankuasa tersebut. Antara tuntutan penting yang dikemukakan dalam memorandum itu ialah :

- * Bahasa ibunda kaum masing-masing harus dijadikan bahasa pengantar yang utama di dalam sekolah aliran masing-masing,
- * Bahasa dalam peperiksaan awam mestilah sama dengan bahasa pengantar utama sekolah-sekolah berbagai-bagai aliran,
- * Organisasi Lembaga Pengurus mesti dikekalkan dan kuasanya tetap tidak berubah, dan
- * Mansuhkan Perkara 21 (2) Akta Pelajaran 1961 untuk menjamin corak SJK(C) agar tidak berubah.

(*Memorandum Pertubuhan-pertubuhan Cina
1975, dipetik daripada Sia 1997 : 98-99*)

Laporan jawatankuasa kabinet itu yang lebih dikenali sebagai Laporan Kabinet hanya diumumkan dalam bulan Ogos 1979. Tuntutan-tuntutan dalam memorandum yang dikemukakan oleh Huatuan tidak membawa hasil yang diharapkan. Malah terdapat beberapa peruntukan yang mampu menyekat perkembangan pendidikan Cina. Selain pengekalan Perkara 21 (2), pemberian kuasa tambahan kepada pendaftar-pendaftar sekolah dan Pengarah Lembaga Peperiksaan dilihat sebagai gugatan.

Di bawah peraturan baru dalam laporan itu, semua sekolah swasta perlu didaftar dan tertakluk kepada pengawalan dan pemantauan pendaftar sekolah (Kua 1990a : 131). Sekolah-sekolah ini dikehendaki menawarkan peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja dan Pengarah Lembaga Peperiksaan memiliki kuasa untuk melarang penganjuran sebarang peperiksaan yang tidak bermanfaat kepada pelajar ataupun bercanggah dengan kepentingan negara. Selain itu sekolah-sekolah swasta juga diwajibkan menggunakan kurikulum sekolah kerajaan bagi semua peringkat persekolahan sehingga ke tingkatan V. Dongjiaozong melihat peruntukan-peruntukan ini mampu mengancam perkembangan dan keutuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Oleh yang demikian pejuang dan aktivis pendidikan Cina membantah keras perakuan-perakuan tersebut.

Dekad 70-an turut menyaksikan isu Universiti Merdeka kembali bergejolak dalam negara. Idea penubuhan universiti itu yang tercetus dalam tahun 1967 bertujuan menampung keperluan para pelajar lepasan SMPC. Gerakan memperjuangkan penubuhan universiti itu tergendala apabila terletus rusuhan kaum 13 Mei. Selanjutnya pelaksanaan DEB dalam tahun 1971 juga menyumbang kepada kewujudan senario

baru dalam pendidikan di negara ini. Minat terhadap pendidikan Cina bertambah dengan drastik di kalangan orang Cina lantaran Menteri Pendidikan menggunakan kuasa di bawah Akta Pelajaran 1961 untuk menukar Sekolah Rendah Inggeris kepada Sekolah Rendah Kebangsaan mulai tahun 1970. Ini menyebabkan ramai ibu bapa Cina memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke SJK(C).

Dalam pada itu kempen yang dimulakan di Perak bagi menyelamatkan SMPC¹⁰ dalam tahun 1973 telah berkembang menjadi Gerakan Pemulihan SMPC di seluruh negara (Tan 1997 : 289 ; Loh 1984 : 104-107). Gerakan pemulihan ini memperlihatkan pertambahan bilangan pelajar SMPC yang banyak, umpamanya bilangan pelajar yang berjumlah 15,890 pada tahun 1970 telah melonjak kepada 44,600 dalam tahun 1982 (Loh 1984 : 104). Namun pelajar-pelajar ini menghadapi masalah yang mendesak dalam meneruskan pelajaran mereka. Sementara itu pengamalan sistem kuota yang bermula pada tahun 1971 turut menyekat peluang pelajar-pelajar Cina dari aliran sekolah kerajaan untuk mendapat peluang pendidikan di universiti.

Keadaan yang mendesak ini mendorong pemimpin-pemimpin Dongjiaozong memperjuangkan penubuhan semula Universiti Merdeka. Dalam satu mesyuarat yang berlangsung pada 10 Ogos 1977, Universiti Merdeka Berhad mengambil ketetapan mengemukakan surat rayuan tentang penubuhan universiti itu kepada Yang Dipertuan Agung. Ketetapan ini diambil memandangkan Akta Universiti dan Kolej Universiti

¹⁰ SMPC menghadapi tamparan hebat apabila Kementerian Pendidikan mengumumkan bahawa mulai tahun 1965 Peperiksaan Kelayakan bagi murid lepasan sekolah rendah dimansuhkan

1971 mensyaratkan sebarang penubuhan universiti perlu mendapat kelulusan daripada baginda. Untuk tujuan tersebut, satu kempen mengumpul tandatangan di seluruh negara telah dilancarkan dalam bulan Oktober 1977. Kempen ini ternyata mendapat sokongan orang Cina dan Huatuan. Sebanyak 4238 buah Huatuan di seluruh Malaysia dan parti-parti politik Cina kecuali MCA dan Gerakan menyokong dan memperakukan surat rayuan tersebut (*Universiti Merdeka* 1978 : 33). Surat rayuan ini kemudiannya dihantar kepada Yang Dipertuan Agung pada 30 Januari 1978.

Isu penubuhan Universiti Merdeka mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu. Mereka menganggap penubuhannya bercanggah dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Reaksi hebat oarang Melayu dalam isu dapat dilihat apabila Ketua Pemuda UMNO pada waktu itu telah membuat kenyataan membantah penubuhan universiti tersebut pada hari yang sama pihak penaja Universiti Merdeka Berhad menyerahkan surat rayuan kepada Yang Dipertuan Agung (Kua 1990a : 136). Kerajaan telah memilih Perhimpunan Agung UMNO sebagai pentas menolak permohonan penubuhan universiti tersebut.¹¹ Menteri Pendidikan, Musa Hitam yang berucap dalam perhimpunan itu pada 17 September 1978 menolak permohonan tersebut dengan tiga alasan :

dan pelajaran percuma selama 9 tahun diperkenal. Ini menyebabkan SMPC menghadapi masalah untuk mendapatkan pelajar.

¹¹ Dongjiaozong telah mengambil keputusan menyaman kerajaan kerana penolakan itu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, namun permohonan itu telah ditolak pada 28 September 1981. Dongjiaozong seterusnya merayu kes ini di Mahkamah Persekutuan tetapi kes ini juga ditolak pada 6 Julai 1982 atas alasan Universiti Merdeka yang bakal ditubuhkan itu merupakan sebuah badan awam dan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di badan tersebut menyalahi Perkara 152 perlombagaan negara, lihat *Jiaozong Sanshiannian* (1987 : 602-603).

1. Ia ditubuhkan oleh pihak swasta,
2. Ia menggunakan bahasa pengantar Cina, dan
3. Penubuhannya untuk menampung pelajar lepasan sekolah Cina.

(*Universiti Merdeka* 1978 : 69)

4.4.3 Dilema Pendidikan Cina Dekad 80-an

Selain isu Universiti Merdeka, gerakan pendidikan Cina turut dirundung satu siri gugatan yang mengekang perkembangan dan kewujudan SJK(C) dalam tahun 80-an. SJK(C)-SJK(C) di seluruh negara menghadapi satu keadaan yang tidak menentu apabila Kementerian Pendidikan mengumumkan pada tahun 1980 bahawa Skim 3M akan dilaksanakan melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah di semua sekolah rendah mulai tahun 1983. Kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Sulaiman Daud pada penghujung tahun 1981 tentang isu ini menambahkan kebimbangan para pendidik Cina. Ini adalah kerana Skim 3M menetapkan semua buku teks di SJK(C) adalah dalam Bahasa Malaysia kecuali mata pelajaran Matematik dan Bahasa Cina yang ditulis dalam bahasa Cina. Manakala untuk mata pelajaran Pendidikan Muzik 50% daripada lagu pengajaran merupakan lagu Melayu dan 50% lagi ialah lagu-lagu Melayu yang diterjemah ke bahasa Cina (Mok 2000 : 187).

Pemimpin-pemimpin pendidikan Cina berpendapat pelaksanaan Skim 3M mampu mengubah ciri-ciri asas SJK(C). Hal ini demikian kerana ketiadaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Cina dianggap sebagai satu muslihat yang tersembunyi bagi mengalihbahaskan sekolah Cina ke sekolah kebangsaan (Sia 1997

:102). Oleh itu Dongjiaozong membantah keras pelaksanaan skim tersebut.¹² Dongjiaozong bersama Huatuan yang lain menghantar satu memorandum kepada Kementerian Pendidikan menuntut supaya bahan pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran kecuali Bahasa Malaysia dan Inggeris di SJK(C) mesti dalam bahasa Cina serta mata pelajaran Pendidikan Moral dan Muzik harus mencerminkan ciri-ciri kebudayaan Cina (Kua 1990a : 162).

Bantahan masyarakat Cina dalam isu ini semakin memperoleh momentum apabila parti-parti politik Cina turut menyokong pendirian Dongjiaozong. Pertubuhan itu bersama-sama dengan DPC dari semua negeri telah menuahkan sebuah jawatankuasa yang ahlinya termasuk para pemimpin politik Cina dan Huatuan untuk melindungi keutuhan pendidikan Cina (Sia 1997 : 104). Dongjiaozong turut bekerjasama dengan MCA, Gerakan, dan DAP dalam mengeluarkan tiga kenyataan bersama mengenai Skim 3M.

Hangatnya isu ini menarik perhatian pucuk pimpinan tertinggi negara. Isu ini dapat diselesaikan dalam bulan Mac 1982 apabila Perdana Menteri, Dr.Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengubah bahasa pengantar di SJK(C) dengan kuasa yang diberikan oleh Perkara 21 (2) Akta Pelajaran 1961, kecuali sekiranya sekolah itu sendiri memohon perubahan. Kementerian Pendidikan kemudiannya telah membuat beberapa perubahan terhadap pelaksanaan skim tersebut.

¹² Pendirian tegas Lembaga Pengurus beberapa buah SJK(C) mencerminkan sikap bantahan keras ini, umpamanya Lembaga Pengurus dan PIBG SJK(C) Yu Hua, Kajang, Selangor dan SJK(C) Kampung Baru Semenyih, Selangor telah melancarkan pemboikotan kelas oleh pelajar darjah 1 selama tiga hari yang bermula pada 28 Januari 1982. Kedua-dua buah sekolah tersebut telah dipilih sebagai sekolah perintis Skim 3M.

Umpamanya buku panduan dan buku sumber untuk guru yang asalnya ditulis dalam bahasa Malaysia diterjemahkan ke dalam bahasa Cina. Kementerian Pendidikan juga bersetuju mengadakan kandungan sukatan pelajaran yang sama bagi kurikulum 3M dengan bahan-bahan pengajaran yang disusun itu mencerminkan nilai dan ciri komuniti Cina (Ibid. : 106).

Ancaman terhadap pendidikan Cina menjelma kembali dalam tahun 1984 apabila Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengeluarkan surat pekeliling kepada semua sekolah di wilayah itu yang mengarahkan pihak pentadbir menggunakan bahasa Melayu dalam semua perhimpunan dan upacara rasmi sekolah. Dongjiaozong menganggap arahan tersebut bercanggah dengan ciri-ciri SJK(C) yang bahasa pengantarnya, iaitu bahasa Cina diguna bagi semua urusan di dalam sekolah, termasuklah perhimpunan. Pertubuhan itu berpendapat arahan tersebut merupakan satu lagi muslihat untuk mengubah bahasa pengantar SJK(C). Kebimbangan ini mendorong Dongjiaozong menggembung tenaga Huatuan dan parti-parti politik Cina untuk membantah arahan itu. Malah naib pengurus Jiaozong, Loot Ting Yee telah melancarkan piket secara aman di Kementerian Pendidikan dan tindakan pemimpin itu telah mendapat sambutan komuniti Cina (Jiaozong 1987 : 646).

Bantahan keras komuniti Cina telah mendorong Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia merespons dan membuat beberapa ketetapan baru bagi menyelesaikan kemelut tersebut. Dalam satu surat pekeliling, pegawai tinggi itu menegaskan bahawa tujuan tindakan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan itu bukanlah untuk menyekat penggunaan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di

SJK(C) dan SJK(T), tetapi pekeliling tersebut bertujuan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Ketua Pengarah itu turut menggariskan bahawa bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam perhimpunan rasmi seperti Hari Ucapan, Hari Pembukaan Sekolah, dan Hari Sukan apabila tetamu-tetamu kenamaan dan pegawai-pegawai kerajaan dijemput hadir bersama (Sia 1997 : 110). Akan tetapi arahan tersebut tidak meliputi majlis perhimpunan dan upacara bukan rasmi lain yang menjadi aktiviti biasa di sekolah-sekolah SJK(C) daan SJK(T).

Pendidikan Cina menghadapi satu lagi kekangan apabila Menteri Pendidikan, Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pada 5 Ogos 1985 bahawa Rancangan Sekolah Integrasi akan dilaksanakan mulai tahun 1986. Kementerian Pendidikan berharap kewujudan Sekolah Integrasi akan meningkatkan kerjasama, persefahaman, dan perpaduan di kalangan murid pelbagai kaum. Rancangan ini menekankan penglibatan dan kerjasama sekolah-sekolah rendah dari berbagai-bagai aliran dalam menggabungkan kegiatan kurikulum, penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah serta perkongsian dan penggembangan sumber tenaga, pengalaman, dan kepakaran dalam bidang pendidikan.¹³ Dua jenis model Sekolah Integrasi dikenal pasti untuk pelaksanaan. Model pertama dikhaskan bagi sekolah dari tiga aliran di tempat yang sama dan ketiga-tiga jenis sekolah itu membentuk “Complex School” . Manakala model kedua merangkumi sekolah-sekolah dari tempat yang tidak sama.

¹³ Lihat penguraian konsep sekolah intergrasi dalam kertas cadangan mengenai Rancangan Sekolah Integrasi yang disediakan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan pada 28 Julai 1985.

Kewujudan model Sekolah Integrasi di Teluk Sengat,, Kota Tinggi amat membimbangkan pemimpin Huatuan, terutamanya Dongjiaozong (Kua 1990a : 165). Ini adalah kerana sekolah tersebut yang merupakan sebuah “Complex School” hanya memiliki nama Melayu sahaja, buku-bukunya di perpustakaan kesemuanya dalam bahasa Malaysia, bacaan doa diadakan bagi semua pelajar selepas perhimpunan, dan mesyuarat pengurusan untuk tiga aliran sekolah tersebut dijalankan dalam bahasa Melayu. Keadaan yang demikian memperkuat tanggapan para pemimpin Dongjiaozong bahawa Sekolah Integrasi akan menghakis ciri-ciri SJK(C) dan SJK(T) yang akhirnya membawa kepada kelenyapan sekolah-sekolah tersebut.

Kekhuatiran masyarakat Cina terhadap rancangan itu menyebabkan mereka memprotes pelaksanaannya. Bantahan mereka mendapat sokongan parti-parti politik Cina. Akhirnya Kementerian Pendidikan mengadakan satu pertemuan dengan Dongjiaozong yang turut dihadiri oleh Ling Liang Sik, Timbalan Menteri Pendidikan pada waktu itu, Kerk Choo Ting, dan Koh Tsu Koon (pemimpin Gerakan) pada 7 November 1985. Pertemuan itu bersetuju menukar nama program Sekolah Integrasi kepada “Rancangan Integrasi Murid-Murid untuk Perpaduan” dan aktiviti kokurikulum bagi penyertaan bersama dihadkan kepada 8 jenis, iaitu merentas desa, walkaton, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola baring, sukaneka, dan gotong royong (*Sin Chew Jit Poh*, 8.1.1986). Kementerian Pendidikan kemudiannya menerbitkan *Buku Panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid* dalam tahun 1986 bagi melicinkan pelaksanaan rancangan baru tersebut. Namun didapati Kementerian Pendidikan tidak mengimplementasikan rancangan yang diubah suai itu.

Tahun 1987 menyaksikan kemunculan satu dilema yang lebih menggugat pendidikan Cina. Dilema ini meletus natijah daripada tindakan Kementerian Pendidikan melantik guru-guru Cina tanpa kelayakan bahasa Cina untuk menjawat jawatan pentadbir di SJK(C) mulai bulan ogos 1987. Kumpulan guru ini yang berjumlah 60 lebih orang pada waktu itu telah ditempatkan di SJK(C) di negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Melaka, Pahang, dan Kuala Lumpur. Penempatan ini menimbulkan bantahan dan kecamaan masyarakat Cina. Pemimpin-pemimpin Huatuan menganggap tindakan demikian mampu menjelaskan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan pentadbiran di SJK(C) yang seterusnya boleh membawa kepada perubahan ciri-ciri SJK(C). Para aktivis pendidikan Cina mempersepsikan tindakan itu merupakan langkah Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan “matlamat akhir” yang digeruni oleh mereka.

Bantahan masyarakat Cina memperoleh momentum apabila parti-parti politik Cina, terutamanya MCA dan Gerakan memberikan sokongan mereka. Isu ini memperlihatkan kerjasama dan penggembangan tenaga dari Huatuan, parti politik Cina dari pemerintah dan pembangkang yang jarang-jarang berlaku di negara ini. Sehubungan ini, Jawatankuasa Bertindak Bersama Huatuan dan Parti-Parti Politik Malaysia ditubuhkan pada 8 Oktober 1987 untuk menangani isu tersebut. Tiga hari kemudian, jawatankuasa itu menganjurkan satu perhimpunan besar di Tokong Thean Hou, Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh kira-kira 3000 orang wakil dari Huatuan dan parti MCA, Gerakan, DAP, PRM, dan SDP. Antara pemimpin politik yang menyertai perhimpunan itu ialah Lee Kim Sai, Lim Kit Siang, Ong Ting Kim, dan Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan. Para perwakilan membantah isu

penempatan tersebut dengan lantang dan perhimpunan mencapai satu ketetapan untuk mendesak Kementerian Pendidikan menyelesaikan isu itu sebelum 14 Oktober. Sekiranya pihak kementerian gagal berbuat demikian, jawatankuasa itu akan melancarkan pemulauan kelas oleh pelajar-pelajar dari sekolah yang terbabit dalam isu penempatan selama tiga hari, iaitu dari 15 Oktober hingga 17 Oktober.

Dalam pada itu sesetengah pemimpin UMNO menganggap perjuangan isu itu oleh Huataun dan parti-parti politik Cina boleh menimbulkan ketegangan kaum dalam negara. Pendirian mereka dalam hal ini adalah tegas, umpamanya Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan waktu itu telah membuat kenyataan bahawa kementeriannya tidak akan mengubah keputusan mengenai isu tersebut (Means 1991 : 209). Kenyataan tegas menteri itu telah mendapat sokongan pemimpin-pemimpin UMNO, terutamanya Pemuda UMNO. Memandangkan kehangatan isu penempatan itu semakin memuncak, kabinet yang bermesyuarat pada 14 Oktober 1987 mengambil keputusan menuuhukan Jawatankuasa Lima Menteri¹⁴ untuk mengatasi kemelut tersebut selewat-lewatnya pada penghujung tahun 1987. Berikutan keputusan kerajaan itu, pihak Jawatankuasa Bertindak Bersama Huatuan dan Parti-Parti Politik Malaysia yang bermesyuarat secara tergempar pada petang 14 Oktober telah menarik balik keputusan memulaukan kelas. Walau bagaimanapun pemboikotan kelas terus dijalankan di sesetengah SJK(C), terutamanya di Pulau Pinang dan pelajar yang terbabit dianggarkan berjumlah melebihi 50,000 orang (Yayasan Lim Lian Geok 1995 : 112).

¹⁴ Jawatankuasa ini dianggotai Anwar Ibrahim, Najib Tun Razak, Lee Kim Sai, Lim Keng Yek, dan S. Samy Vellu.

Sementara itu Pemuda UMNO turut menganjurkan satu perhimpunan raksasa yang dihadiri 15,000 orang Melayu pada 17 Oktober 1987 bagi membantah tindakan masyarakat Cina tersebut. Perkembangan ini menyebabkan keadaan politik negara semakin genting dan mendorong kerajaan melancarkan Operasi Lalang untuk meredakan keadaan.¹⁵ Antara pejuang pendidikan Cina yang ditangkap ialah Lim Fong Seng (Pengerusi Dongzong), Sim Mow Yu (Pengerusi Jiaozong), Tuang Pik King (Naib Pengerusi Jiaozong), dan Kua Kia Soong. Mereka dituduh menimbulkan kebencian etnik dan mengancam keselamatan negara (Kua 1990a : 167). Tangkapan ini menunjukkan ranjau dan keperitan yang terpaksa ditempuhi tokoh pemimpin dalam memperjuangkan pendidikan Cina. Tindakan drastik kerajaan itu telah memberi tampanan hebat kepada gerakan pendidikan Cina dan melenyapkan suara-suara kritikan daripada para pejuang dan aktivis kumpulan tersebut untuk seketika.

Pihak kerajaan hanya mengemukakan penyelesaian kepada isu penempatan itu pada 27 April 1988.¹⁶ Namun kemelut ini tidak dapat diselesaikan sepenuhnya.

¹⁵ Ada pemerhati politik menganggap tindakan ini merupakan taktik pemimpin-pemimpin Melayu dalam UMNO untuk memperkuat kedudukan mereka dan menyatupadukan orang Melayu setelah berlaku perpecahan UMNO dalam tahun 1987, lihat umpamanya pendapat Tunku Abdul Rahman :

UMNO was facing a break-up. The Prime Minister, Dr Mahathir Mohhamad's hold on the party appeared critical when election rigging was alleged to have given him a very narrow victory against Tengku Razaleigh. ... So he had to find a way out of his predicament. A national crisis had to be created to bring UMNO together as a united force to fight a common enemy - and the imaginary enemy in this case was the Chinese community.

(Das & Suaram 1989 : 10)

¹⁶ Formula penyelesaian diajukan ialah "Empat-Satu" yang menetapkan empat jawatan utama di SJK(C), iaitu Guru Besar, Penolong Kanan I dan II serta Penyelia Petang wajib memiliki kelayakan formal bahasa Cina di peringkat SPM ataupun SRP. Manakala pemegang jawatan Guru

Umpamanya pada tahun 1999 masih terdapat sekurang-kurangnya 39 buah SJK(C) dibelenggu oleh isu penempatan tersebut (Dongzong 1999 : 38-42).

4.4.4 Dilema Pendidikan Cina Dekad 90-an

Gerakan pendidikan Cina menghadapi dugaan baru apabila kerajaan membentangkan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995¹⁷ pada 18 Disember 1995. Dongjiaozong berpendapat rang undang-undang baru ini merupakan kesinambungan dan serupa dengan Rang Undang-Undang Pendidikan 1990 yang telah dikritik dan dibantah oleh masyarakat Cina (Dongjiaozong 1997 : 5). Rang undang tahun 1990 dibantah kerana dikatakan memberi sekatan dan gugatan terhadap kewujudan dan perkembangan SJK(C) dan SMPC. Memorandum Huatuan yang berjudul *Pandangan Umum Tentang Rang Undang-Undang Pendidikan 1990* telah mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan bahasa pengantar, peperiksaan, kedudukan Lembaga Pengurus Sekolah, institusi pendidikan tinggi serta kursus pengajian dan latihan menjadi ancaman yang terbesar (Sia 1997 : 243).

Walaupun Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 mendapat bantahan hebat daripada para pemimpin Dongjiaozong, namun pihak kerajaan tidak memberi ruang yang cukup untuk perbincangan dan perbahasan dengan lebih teliti sebelum diluluskan di Parlimen. Akhirnya rang undang-undang yang diluluskan itu diwartakan sebagai

Kanan (Kokurikulum) dikecualikan daripada kelayakan formal bahasa Cina tetapi ia wajib mahir dalam bahasa Cina dari segi pertuturan.

¹⁷ Penyediaan rang undang-undang ini sebenarnya telah bermula pada tahun 1990. Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan ditubuhkan dalam bulan April. Empat bulan kemudian kabinet mengarahkan penubuhan Majlis Perundingan Akta Pendidikan dan beberapa Huatuan telah menyertainya, antaranya termasuklah Dongjiaozong dan DPC Selangor.

Akta Pendidikan 1996. Dongjiaozong mendapati pelaksanaan akta baru ini bakal menyuguhkan cabaran yang lebih getir kepada pendidikan Cina berbanding dengan Akta Pelajaran 1961. Ini adalah kerana kuasa pengawalan akta tersebut terhadap aktiviti pendidikan dan institusi pendidikan menjadi lebih menyeluruh kerana pengajuran sebarang kegiatan pendidikan perlu memohon kelulusan ataupun pengecualian. Dalam keadaan ini maka kewujudan SJK(C), SMPC, dan Peperiksaan SMPC tidak lagi dijamin oleh undang-undang tetapi sebaliknya hanya bergantung kepada kuasa pengecualian oleh Menteri Pendidikan (Dongjiaozong 1997 : 2). Selain itu lima kebimbangan¹⁸ yang dikenal pasti semasa Dongjiaozong meneliti Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 telah dimaktubkan dalam akta pendidikan baru. Lima kebimbangan itu ialah :

- * “Matlamat Akhir” dizahirkan dalam peruntukan undang-undang,
- * Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SMPC dan Peperiksaan SMPC tidak dapat dilaksanakan,
- * Kedudukan Lembaga Pengurus Sekolah tidak dijamin,
- * Pungutan derma untuk aktiviti dan pengembangan kolej swasta perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa, dan
- * Kolej swasta yang mengadakan program kembar dan apa-apa bentuk kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan dan luar negeri perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Pendidikan.

Pada pandangan penulis, kebimbangan Dongjiaozong terhadap Akta Pendidikan 1996 ada asasnya. Ketua Pegawai Eksekutif Dongjiaozong, Bock Tai Hee

¹⁸ Untuk perbincangan lanjut tentang kebimbangan ini, lihat jurnal *Ziliau yu Yanjiu* (1996 : 17-20).

(1999 : 17) berpendapat “matlamat akhir” yang terdapat dalam Laporan Razak dan Akta Pelajaran 1961 telah menjadi “matlamat kini” dalam akta pendidikan baru. Ini adalah kerana perakuan semangat “matlamat akhir” iaitu penggunaan Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi terdapat dalam pendahuluan dan Seksyen 17 (1) akta pendidikan baru. Perkara 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang didakwa oleh banyak pihak telah dimansuhkan sebenarnya turut terkandung dalam Seksyen 17 (1) yang berbunyi “Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali Sekolah Jenis Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini” (Malaysia 1996a). Namun tiada sebahupun SJK(C) yang wujud sebelum tahun 1996 tergolong di bawah Seksyen 28. Ini bermakna semua SJK(C) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar perlu memohon pengecualian daripada Menteri Pendidikan. Dalam hal ini menteri berhak menolak permohonan tersebut berdasarkan peruntukan kuasa dalam Seksyen 143 dan dengan ini SJK(C)-SJK(C) terdedah kepada bahaya pertukaran bahasa pengantar.

Selain “Matlamat Akhir”, peruntukan-peruntukan akta tersebut didapati begitu menyeluruh dalam menzahirkan empat kebimbangan di atas yang menjadi igauan kepada Dongjiaozong.¹⁹ Oleh itu para pemimpin Dongjiaozong membuat kesimplan bahawa akta baru itu lebih mengekang pendidikan Cina dan menyeru kepada penggembangan tenaga masyarakat Cina dalam memperjuang dan

¹⁹ Untuk maklumat terperinci, lihat soal jawab tentang Akta Pendidikan 1996 yang disediakan oleh Yang Pei Keng, seorang peguam Dongjiaozong yang dimuatkan dalam Dongjiaozong (1997 : 35-49).

mempertahankan pendidikan Cina supaya penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang menggugat itu tidak dapat dilaksanakan seperti dalam kes kewujudan Perkara 21 (2) dan 26 (A) Akta Pelajaran 1961 (Dongjiaozong 1997 : 14). Dalam keadaan ini maka suara-suara Dongjiaozong meminta pemindaan akta tersebut sering kedengaran selepas akta itu diluluskan oleh Parlimen.

Dalam tahun 1995 gerakan pendidikan Cina turut dikejutkan oleh isu Sekolah Wawasan. Pada 26 Ogos 1995 Menteri Pendidikan, Najib Tun Razak telah mengumumkan idea Sekolah Waswasan dan memberitahu bahawa sekolah jenis ini akan dibina di kawasan perumahan baru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang bermula dari tahun 1996 hingga 2000 (*Nanyang Siang Pau*, 27.8.1995). Seterusnya Kementerian Pendidikan menyediakan satu panduan yang berjudul *Sekolah Wawasan : Konsep dan Pelaksanaan* dalam bulan Disember 1995. Menurut panduan itu, Sekolah Wawasan berasaskan konsep belajar bersama-sama di bawah satu bumbung atau dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Ini bermakna dua atau tiga buah sekolah yang berlainan aliran dan pentadbiran ditempatkan dalam bangunan atau dalam kawasan yang sama. Sekolah-sekolah yang terbabit berkongsi kemudahan-kemudahan asas dan kepakkanan guru. Konsep dan ciri-ciri ini jelas menepati Sekolah Integrasi tahun 1985 dan ini telah diakui oleh Timbalan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi (*Nanyang Siang Pau*, 29.10.2000) dan Ketua Pegawai Eksekutif Dongjiaozong, Bock Tai Hee (*Berita Minggu*, 12.11.2000).

Rancangan Malaysia Ketujuh telah memperuntukkan wang yang berjumlah RM 27,901,964 untuk pembinaan 8 buah Sekolah Wawasan (Kementerian Pendidikan Malaysia 1995 : 11). Tujuh buah Sekolah Wawasan berjaya dibina dalam rancangan tersebut dan ini melibatkan 5 buah SJK(C) ²⁰(*China Press* 28.7.2000). Walau bagaimanapun pengumuman tentang penyenaraian sekolah-sekolah tersebut ke dalam Sekolah Wawasan dibuat tanpa pengetahuan, perundingan, dan persetujuan Lembaga Pengurus pihak sekolah. Seterusnya Najib Tun Razak turut mengumumkan Sekolah Integrasi di Teluk Sengat, Kota Tinggi sebagai model Sekolah Wawasan pada 16 Jun 1997 (Mok 2000 : 229).

Oleh sebab konsep Sekolah Wawasan serupa dengan Sekolah Integrasi, maka Dongjiaozong sekali lagi membantah pelaksanaannya. Pertubuhan itu menganggap cadangan tersebut merupakan satu lagi strategi Kementerian Pendidikan untuk mencapai agenda terselindung,, iaitu “matlamat akhir” . Pemimpin-pemimpin Dong jiaozong berpendapat bahawa Sekolah Wawasan akan mengakibatkan SJK(C)-SJK(C) hilang autonomi dalam pengurusan sekolah dan penghakisan ciri-cirinya yang akhirnya membawa kepada pertukaran dalam bahasa pengantar dalam pengajaran. Memandangkan Sekolah Wawasan merupakan sekolah yang dalam proses pembinaan, selain membantah, Huatuan terpaksa menunggu untuk melihat perkembangan

²⁰ SJK(C) yang terlibat ialah SJK(C) Soon Jian, Anak Bukit, Alor Star, Kedah ; SJK(C) Wai Sin, Parit Buntar, Perak ; SJK(C) Eng Ling, Pundut, Lumut, Perak ; SJK(C) Central Site, Seri Kenangan, Segamat, Johor ; SJK(C) Ladang Hillside, Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan. Pihak Lembaga Pengurus kelima-lima sekolah tersebut telah menolak tawaran Kementerian Pendidikan untuk menyertai rancangan sekolah wawasan setelah diberi penerangan oleh para pemimpin Dongjiaozong pada sekitar tahun 2000. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan berjaya mendirikan Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15 di Subang Jaya, Selangor yang melibatkan penubuhan SJK(C) Tun Tan Cheng Lok, sebuah SJK(C) yang baru. Sekolah wawasan yang menjadi model ini telah beroperasi pada 5 Jun 2002.

seterusnya. Namun apabila Perdana Menteri mengumumkan pada 5 Julai 2000 bahawa kesemua 14 buah parti komponen BN bersetuju menerima pelaksanaan Sekolah Wawasan, itu ini menjadi kecoh dan hangat lagi. Pendirian tegas Dongjiaozong dalam hal ini telah membawa kepada pertentangan antaranya dengan Kementerian Pendidikan dan MCA. Perbincangan seterusnya tentang itu ini sudah melangkaui skop tempoh tesis yang diusahakan.

4.4.5 Kesenjangan Layanan Terhadap Sekolah Cina

Selain mendepani dasar-dasar dan rancangan-rancangan pendidikan yang menyekat pendidikan Cina, sekolah-sekolah Cina turut menghadapi masalah pemberian layanan yang tidak adil. Walaupun kedudukan SJK(C) dalam sistem pendidikan negara telah diperaku oleh Ordinan Pelajaran 1957 dan akta-akta pendidikan yang lebih kemudian, tetapi layanan yang diberi dalam aspek latihan guru, pembinaan sekolah baru, dan pemberian peruntukan kewangan amat mendukacitakan komuniti Cina.

Kekurangan guru terlatih merupakan satu masalah yang sentiasa menghantui SJK(C) sejak kemerdekaan negara. Masalah ini tidak pernah diselesaikan dan fenomena ini ialah natijah daripada pemunggiran SJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kementerian Pendidikan selalu dikecam kerana tidak mempunyai rancangan jangka panjang dan teratur dalam latihan perguruan bagi menampung keperluan di SJK(C)-SJK(C). Masalah ini mula meruncing dalam tahun 1990-an. Umpamanya dalam tahun 1999 kekurangan guru terlatih sebanyak 3114 telah dicatat di SJK(C). Jadual di bawah merincikan kekurangan ini di setiap negeri :

Jadual 4.2 Bilangan Guru Sandaran dan Kontrak di SJK(C) Mengikut Negeri
Tahun 1999

Negeri	Guru Sandaran	Guru Kontrak	Jumlah
Perlis	5	0	5
Kedah	58	2	60
Pulau Pinang	60	0	60
Perak	202	62	264
Selangor	567	80	647
Wilayah Persekutuan	158	22	180
Negeri Sembilan	176	0	176
Melaka	49	0	49
Johor	724	106	830
Pahang	208	6	214
Terengganu	24	1	25
Kelantan	23	0	23
Sabah	231	0	231
Sarawak	327	23	350
Jumlah	2812	302	3114

Sumber : Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan
(Dipetik dalam Dongjiaozong 1999 : 2)

Masalah kekurangan guru terlatih di SJK(C) berpunca daripada pihak Kementerian Pendidikan tidak melatih guru mengikut keperluan setiap aliran persekolahan. Amalan ini menyebabkan Sekolah Kebangsaan kelebihan kira-kira 12,000 orang guru bahasa Melayu manakala SJK(C) pula dihimpit masalah kekurangan guru yang serius (Dongzong 1999 : 20). Fenomena kelebihan guru bahasa Melayu pula menampilkkan masalah baru kepada SJK(C) berikutan dengan tindakan pihak kementerian menempatkan guru-guru yang berlebihan itu di SJK(C). Oleh sebab kekosongan untuk guru bahasa Melayu adalah terhad di SJK(C), maka kumpulan guru ini terpaksa diatur bagi mengajar mata-mata pelajaran seperti Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni, dan Pendidikan Muzik. Dalam keadaan ini pengajaran dan pembelajaran ketiga-tiga mata pelajaran ini sudah pasti dijalankan dalam bahasa Melayu. Dongjiaozong membantah keras penempatan itu dan

menganggapnya sebagai agenda tersembunyi untuk menukar bahasa pengantar SJK(C).

Dalam pada itu masalah pembinaan sekolah baru turut mengekang perkembangan pendidikan Cina. Masalah ini semakin mendesak memandangkan proses urbanisasi dan penghijrahan penduduk Cina bertumpu di kawasan bandar. Keadaan ini menyebabkan permintaan untuk belajar di SJK(C) meningkat dengan drastik yang seterusnya menyumbang kepada kesesakan di SJK(C). Walaupun Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan menubuhkan Sekolah Jenis Kebangsaan tetapi kerajaan berpegang kepada dasar tidak membina SJK(C) yang baru²¹ (*Sin Chew Jit Poh*, 13.2.1999). Pendirian kerajaan ini sebenarnya diwarisi sejak kemerdekaan negara dan hakikat hampir kesemua SJK(C) yang wujud pada hari ini ditubuhkan oleh masyarakat Cina sebelum merdeka membuktikan pendirian tersebut. Akibat dasar kerajaan yang demikian, bilangan SJK(C) di negara ini mengalami kemerosotan walaupun terdapat peningkatan dalam enrolmen pelajar. Jadual di bawah memberi gambaran yang lebih terperinci :

²¹ Dalam hal ini kerajaan hanya membenarkan pemindahan sekolah-sekolah SJK(C) yang menghadapi masalah kekurangan pelajar ke pinggir bandar. Dasar demikian dilaksanakan agar jumlah sekolah Cina kekal di takuk lama. Walau bagaimanapun selama ini kerajaan telah membina kira-kira 10 buah SJK(C) yang baru, antaranya ialah SJK(C) Desa Jaya, Kepong (1976), SJK(C) Mak Mandin, Seberang Prai (1983), SJK(C) Hua Wen, Kuantan (1985), SJK(C) Serdang (II), Selangor (1986), SJK(C) Taman Connaught (1989), SJK(C) Taman Rashna, Kelang (1989), SJK(C) Chong Hua (VI), Kuching (1998), SJK(C) Kulai Besar (2001), SJK(C) Puay Chai (II), Petaling Jaya (2001), dan SJK(C) Johor Jaya, Johor Bahru (2002).

Jadual 4.3 Perbandingan Bilangan Sekolah dan Bilangan Murid Pelbagai Aliran untuk Tahun 1968 dan 2000

Jenis Sekolah	1968		2000		Tambah / Kurang	
	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar
SK	2770	666,389	5407	2,218,747	+ 2637	+ 1,552,358
SJK(C)	1332	434,914	1284	622,820	- 48	+ 187,906
SJK(T)	670	81,428	526	90,280	- 144	+ 8,852

Sumber : Bahagian Penyelidikan Dasar dan Perancangan, Kementerian Pendidikan
 (Dipetik dalam Dongzong 2000 : 2)

Jadual di atas menunjukkan SJK(C) telah berkurangan sebanyak 48 buah sungguhpun terdapat pertambahan pelajar yang berjumlah 187,906 orang dari tahun 1968 hingga 2000. Manakala dalam tempoh masa yang sama Sekolah Kebangsaan (SK) pula bertambah sebanyak 2637 buah. Mengikut kadar pertambahan SK, iaitu membina sebuah sekolah baru apabila bilangan murid bertambah 588 orang ($1552,358 - 2637 = 588.68$), maka dalam tempoh yang sama kerajaan sepatutnya membina 319 buah SJK(C) baru ($187,906 - 588 = 319.56$). Namun pada hakikatnya, permohonan masyarakat Cina untuk membina SJK(C) baru amat sukar mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Walaupun kerajaan menetapkan kawasan perumahan baru harus menyediakan tapak bagi pembinaan sekolah tetapi selama ini hanya SK dan Sekolah Menengah Kebangsaan didirikan di kawasan perumahan baru. Ini menyebabkan kawasan di sekitar bandar di Kuala Lumpur, Selangor, dan Johor Bahru yang mempunyai penduduk Cina yang ramai menghadapi masalah kekurangan SJK(C) yang serius.

Umpamanya jadual di bawah menunjukkan kawasan Johor Bahru sahaja sudah memerlukan 10 buah SJK(C) baru :

Jadual 4.4 Kawasan dan Bilangan SJK(C) yang Perlu Dibina di Johor Bahru

Kawasan	Bil. Sekolah yang diperlukan
Taman Johor Jaya	2
Taman Daya	1
Taman Desa Jaya	1
Taman Permas Jaya	1
Taman Johor	1
Taman Skudai Baru	1
Taman Selesa Jaya	1
Taman Sri Skudai	1
Taman Universiti	1
Jumlah	10

Sumber : Dongzong (1999 : 18)

Fenomena kekurangan SJK(C) yang serius mengakibatkan murid-murid Cina berebut-rebut dan bersaing bagi mendapatkan tempat ddi SJK(C). Dalam keadaan ini terdapat sejumlah murid Cina yang gagal memasuki SJK(C) dan mereka terpaksa belajar di SK. Hal yang demikian telah menidakkan hak mereka untuk menerima pendidikan melalui bahasa ibunda mereka. Di samping itu peningkatan bilangan murid bukan keturunan Cina yang belajar di SJK(C) turut menyulitkan masalah ini. Perangkaan Kementerian Pendidikan dalam tahun 1999 menunjukkan kumpulan murid ini yang kebanyakan merupakan murid Melayu telah mencapai kira-kira 65000 orang (Mok 2000 : 279). Kehadiran kumpulan murid ini bukan sahaja menyesakkan SJK(C) lagi malah juga mengurangkan peluang murid-murid Cina belajar di SJK(C).

Pemberian layanan yang tidak saksama oleh kerajaan kepada SJK(C) juga dapat dilihat dalam peruntukan kewangan. Amalan berat sebelah ini boleh dilihat melalui peruntukan modal pembangunan Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah rendah bagi tahun 1971-1978. Dalam tempoh tersebut SJK(C) hanya diperuntukan kira-kira RM 18 juta, iaitu 7.0% daripada jumlah keseluruhan peruntukan untuk sekolah rendah (Loh 1984 : 109). Pemberian peruntukan kewangan kepada SJK(C) di negara ini telah menguncup kepada hanya 2.44% daripada jumlah keseluruhan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh :

Jadual 4.5 Peruntukan Kewangan untuk Sekolah Rendah Pelbagai Aliran di Bawah RME dan RMT (dalam Ringgit Malaysia)

Jenis Sekolah	Rancangan Malaysia Keenam (1990 - 1995)		Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000)	
	Peruntukan	%	Peruntukan	%
SK	1,133,076,000	89.72	1,027,167,000	96.54
SJK(C)	102,726,000	8.14	25,970,000	2.44
SJK(T)	27,042,000	2.14	10,902,000	1.02
Jumlah	1,262,844,000	100	1,064,039,000	100

Sumber : Jawapan Menteri Pendidikan Najib Tun Razak kepada pertanyaan Lim Guan Eng di Parlimen pada 5.11.1996.
(Dipetik dalam Dongzong 2000 : 2)

Layanan yang tidak adil dalam hal ini dikritik oleh berbagai-bagai pihak dalam masyarakat Cina. Ini adalah kerana bilangan murid SJK(C) yang berjumlah 595,451 orang atau 21.07% daripada keseluruhan murid sekolah rendah dalam tahun 1996 sepatutnya berhak memperoleh 21.07% daripada jumlah keseluruhan peruntukan iaitu kira-kira RM 224 juta. Kesenjangan dalam peruntukan kewangan ini membantutkan

perkembangan SJK(C) lantaran menghadapi masalah kekurangan bilik darjah dan kemudahan sekolah. Dalam hal ini SJK(C)-SJK(C) di negara ini terpaksa bergantung kepada pendermaan yang berterusan daripada komuniti Cina untuk menyelenggarakan sekolah. Keadaan ini amat membebankan orang Cina dan menimbulkan ketidakpuasan mereka kerana mereka menganggap pendermaan ini sebagai “cukai pendapatan kedua” yang terpaksa ditanggung.

4.4.6 Kekangan Sistem Kuota DEB

Selain kekangan-kekangan yang menghambat kemajuan pendidikan Cina, kepentingan masyarakat Cina dalam bidang pendidikan juga nampaknya terhakis ekoran daripada pelaksanaan sistem kuota di bawah DEB. Pelaksanaan sistem kuota yang merupakan manifestasi daripada hak istimewa orang Melayu telah dijalankan pada tahun 1971 hasil dari cadangan Laporan Majid Ismail.²² Pengamalan sistem ini telah berjaya meningkatkan bilangan pelajar bumiputera di universiti-universiti tempatan. Namun peluang pelajar-pelajar Cina untuk memasuki universiti telah berkurangan dengan drastik dan hal ini mencetuskan kemarahan komuniti Cina. Kemarahan ini memuncak dalam tahun 1978 apabila kerajaan menolak permohonan Dongjiaozong untuk menujuhkan Universiti Merdeka bagi menampung keperluan para pelajar Cina. Keadaan ini mendesak kerajaan BN menetapkan kuota bagi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di universiti tempatan dalam nisbah 55% : 45%.²³

²² Jawatankuasa yang diketuai Majid Ismail dilantik oleh MAGERAN untuk mengkaji kehidupan kampus di kalangan pelajar Universiti Malaya dan laporannya telah diterbitkan dalam tahun 1971. Jawatankuasa tersebut mendapat kewujudan ketidakseimbangan bilangan pelajar Melayu dan bukan Melayu dan segregasi kaum mengikut fakulti di universiti itu. Jawatankuasa itu menggesa kerajaan mengambil langkah-langkah bagi memperbetul ketidakseimbangan itu.

²³ Formula baru sistem kuota ini dicapai pada 28 Jun 1979 melalui perbincangan dan permuafakatan antara UMNO dan MCA. Persetujuan yang dicapai menetapkan bahawa kemasukan

Walau bagaimanapun pengamalan sistem kuota dalam tahun 80-an dan 90-an didapati tidak mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Hal yang demikian menyekat peluang para pelajar Cina dalam mendapatkan pendidikan tinggi. Jadual berikut menunjukkan hakikat yang sebenarnya :

Jadual 4.6 Bilangan dan Peratus Pelajar Ijazah Pertama Mengikut Kumpulan Etnik di Universiti Awam Tempatan untuk Tahun 1970 - 1999

Tahun	Bumiputera	Bukan-Bumiputera	Jumlah
1970	3084 (40.2%)	4593 (59.8%)	7677 (100%)
1980	13610 (62.0%)	8334 (38.0%)	21944 (100%)
1985	23841 (63.0%)	13997 (37.0%)	37838 (100%)
1988	30085 (60.4%)	19705 (39.6%)	49790 (100%)
1990	35361 (65.9%)	18309 (34.1%)	53670 (100%)
1999	97836 (69.9%)	42084 (30.1%)	139920 (100%)

Sumber : Malaysia (1991a : 80 ; 2001b : 112)
Nanyang Siang Pau 18.5.2001 ; *Sin Chew Jit Poh* 12.5.2001

4.5 Dilema Kebudayaan dan Sosial

4.5.1 Pelaksanaan DKK dan Dilema Kebudayaan

Pengubahan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos 1971 menandakan satu era baru dalam dasar kebudayaan negara. Ini adalah kerana tiga prinsip bersifat kemelayuan yang dipersetujui dalam kongres tersebut telah diterima sebagai dasar rasmi pemerintah

pelajar bukan bumiputera ke universiti tempatan akan ditingkatkan 2% setiap tahun mulai tahun 1980 sehingga mencapai sasaran 45%.

sejak itu. Semangat DKK sebenarnya berlandaskan penerapan doktrin *nativisme* yang melihat penyelesaian masalah pembinaan negara-bangsa dari sudut pembentukan sebuah negara budaya tunggal (Abdul Ghapa 1995 : 7). Dengan demikian pertubuhan-pertubuhan Cina berpendapat pelaksanaan DKK akan membawa kepada asimilasi paksaan (Huatuan Utama 1983 : 135). Oleh itu masyarakat Cina telah menyuarakan bantahan dan penolakan yang amat lantang. Tambahan pula, penetapan prinsip-prinsip DKK turut dikritik kerana dibuat tanpa perundingan yang wajar dan perbincangan yang terperinci antara berbagai-bagai kumpulan etnik di negara ini (Kua 1990b : 3).

Memandangkan masyarakat di negara ini merupakan masyarakat majmuk, maka orang Cina menganggap bahawa penindasan dalam pengamalan budaya etnik tidak patut berlaku. Ciri-ciri kemajmukan yang sedia ada dalam negara ini perlu dipupuk Dalam hal ini, mereka berpegang kepada model kemajmukan budaya. Oleh yang demikian para pemimpin Huatuan menganggap bahawa pelaksanaan DKK telah bercanggah dengan perakuan Rukunegara yang berbunyi :

Bangsa dan negara Malaysia sesungguhnya mempunyai kekayaan dan perbezaan kebudayaan yang khusus dalam kedua-dua bidang tradisi dan kebiasaan. Kami bercita-cita hendak mencipta satu masyarakat di mana keadaan berlainan kebudayaan itu boleh menguntungkan dan menjadi sumber kekuatan Bangsa dan Negara Malaysia.

(Huatuan Utama 1983 : 135)

Walau bagaimanapun perakuan dalam Rukunegara ini ternyata tidak diambil berat dalam pelaksanaan DKK. Elit politik dan birokrat Melayu menggunakan kuasa mentakrif yang terdapat dalam prinsip kedua DKK untuk menyaring budaya-budaya kaum lain yang dianggap sebagai asing. Ini dilakukan dengan sedar bagi mencapai hegemoni budaya yang berlandaskan budaya Melayu. Untuk memacu usaha ke arah itu, berbagai-bagai sekatan dan diskriminasi telah dikenakan ke atas aktiviti kebudayaan etnik-etnik yang lain agar mengekang perkembangannya

Kuasa politik yang diperoleh elit politik Melayu selepas Peristiwa 13 Mei membolehkan hegemoni budaya ini berlaku. Dalam tahun 1976 Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Kebudayaan telah ditubuhkan untuk melaksanakan prinsip-prinsip DKK (Milne & Mauzy 1982 : 465). Dengan perkembangan ini maka satu siri tindakan telah dilaksanakan oleh birokrasi kerajaan dalam tahun 70-an bagi menonjolkan kebudayaan Melayu. Umpamanya pada tahun 1978 pihak pentadbir Universiti Teknologi Malaysia mengarahkan semua graduan yang menghadiri konvokesyen supaya memakai songkok ataupun tudung. Arahan tersebut telah mendapat bantahan keras daripada para siswazah bukan Melayu. Bantahan ini menyebabkan konvokesyen tahun tersebut ditangguhkan selama beberapa bulan. Walau bagaimanapun pihak universiti tidak berganjak dari pendirian tersebut dan oleh itu sebilangan besar siswazah bukan Melayu mengambil keputusan memulaukan konvokesyen itu.

Di samping itu pihak pemerintah juga mengehadkan penggunaan bahasa Cina dalam kehidupan harian dengan mengurangkan saiz tulisan Cina di papan tanda iklan.

Langkah ini diambil bagi menonjolkan tulisan bahasa Melayu. Penguatkuasaan peraturan ini dijalankan dengan tegas dan oleh itu banyak papan tanda iklan yang menyalahi peraturan telah dirampas. Tambahan pula penggunaan bahasa Cina dalam cek juga dilarang pada suatu ketika. Dalam keghairahan mengangkat martabat kebudayaan Melayu, pihak Kementerian Pendidikan turut mengeluarkan surat pekeliling kepada sekolah dengan menetapkan persembahan-persembahan yang dianjurkan wajib memiliki tarian Melayu tradisional dan penggunaan alat muzik tradisional Melayu.

Tindakan-tindakan ini menyekat dan meminggirkan kebudayaan Cina. Keadaan ini menimbulkan kemarahan dan bantahan masyarakat Cina terhadap pelaksanaan DKK.²⁴ Hal yang demikian menunjukkan orang bukan Melayu, terutamanya komuniti Cina telah mempersoalkan kewajaran DKK dan oleh itu boleh dirumuskan bahawa DKK hanya diterima oleh orang Melayu sahaja (Abdul Ghapa 1995 : 7 ; Kua 1987 : 90).

4.5.2 Dilema Sosial Masyarakat Cina

Selain dilema kebudayaan, masyarakat Cina juga dihimpit dilema sosial yang membawa impak terhadap kehidupan harian orang Cina. Masalah kampung baru Cina merupakan dilema sosial yang utama dalam masyarakat Cina kerana 1/4 daripada komuniti Cina di negara ini tinggal di kampung baru Cina. Walaupun kampung baru Cina berjumlah 452 buah, namun kewujudannya tidak diberi perhatian yang

²⁴ Lihat Bab V untuk perbincangan respons dan penentangan masyarakat Cina terhadap pelaksanaan DKK.

sewajarnya oleh kerajaan dan oleh itu terus terpinggir dalam arus pembangunan negara. Hal yang demikian menyebabkan kampung-kampung baru ini dicengkam berbagai-bagai masalah yang berlarutan.

Kekurangan tanah, masalah memperoleh geran atau hak milik tanah, kekurangan infrastruktur, dan kadar keciciran pelajar yang tinggi merupakan masalah utama yang dihadapi oleh komuniti Cina di kampung baru Cina. Oleh sebab petempatan-petempatan ini ditubuhkan sejak zaman darurat dan keluasan tanah yang diagihkan kepada setiap keluarga tidak berubah sejak itu, maka masalah kesesakan yang serius telah wujud. Hal ini berlaku kerana terdapat pertambahan penduduk yang ketara di kampung baru Cina. Umpamanya dalam kajian yang dijalankan oleh pihak berkuasa dalam tahun 1985, didapati kepadatan penduduk di kampung baru Cina telah mencecah 12.5 orang untuk satu keluarga (Lim & Soong 2002 : 51). Manakala kepadatan penduduk bagi setiap kampung baru juga meningkat dari 1194 orang pada tahun 1954 kepada 3718 orang (tahun 1995), iaitu pertambahan sebanyak 3 kali ganda. Jadual berikut merincikan peningkatan ini :

Jadual 4.7 Kepadatan Penduduk di Kampung Baru Cina, Tahun 1954 dan 1995

Negeri	1954			1995		
	Populasi	Bil. Kg. Baru	Populasi Purata	Populasi	Bil. Kg. Baru	Populasi Purata
Perak	206,900	129	1,604	495,420	135	3,670
Johor	130,613	94	1,390	435,557	84	5,185
Pahang	50,233	77	652	133,957	55	2,436
Selangor	97,346	49	1,987	305,266	42	7,268
Kuala Lumpur	-	-	-	85,000	3	28,333
Kedah	22,522	44	512	43,525	33	1,319
N. Sembilan	30,294	39	777	79,569	44	1,808
Kelantan	12,560	18	698	47,191	24	1,966
Melaka	9,555	17	562	24,029	19	1,265
P. Pinang	10,717	8	1,340	27,562	9	3,058
Terengganu	1,495	4	374	1,480	3	493
Perlis	682	1	682	2,075	1	2,075
Jumlah	572,917	480	1,194	1,680,595	452	3,718

Sumber : Lim & Soong (2002 : 32)

Dalam pada itu kekurangan tanah yang dialami oleh kampung-kampung baru Cina di luar bandar telah menyekat peluang peningkatan taraf ekonomi komuniti Cina. Aktiviti-aktiviti pertanian seperti bekerja di kebun getah, kebun sayur, sawah padi dan ladang babi merupakan pekerjaan tradisional mereka. Namun akibat kekurangan tanah,, aktiviti-aktiviti ini tidak dapat dikembangkan dan dijalankan secara komersial. Keadaan ini menyumbang kepada kemiskinan yang berlarutan di kawasan tersebut. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa masalah kekurangan tanah menjadi

penghalang kepada kemajuan di kampung baru Cina dan ini menjadi punca mengapa keadaan kebanyakan kampung baru Cina pada hari ini masih di takuk lama.

Sementara itu masalah hak milik tanah merupakan masalah yang sudah sekian lama menghantui penghuni-penghuni kampung baru Cina kerana geran tanah yang diberi oleh kerajaan bersifat sementara dan biasanya untuk tempoh 30 tahun sahaja. Walau bagaimanapun masalah ini tidak begitu menekan lagi apabila kerajaan mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh geran tanah bagi sekurang-kurangnya 60 tahun mulai tahun 1985 (Ibid. : 33).

Pemингgiran kampung baru Cina dalam proses pembangunan negara dapat dilihat dengan jelas apabila kita meneliti agihan peruntukan kewangan kepadanya dalam Rancangan-rancangan Malaysia. Peruntukan yang diagihkan ini amat sedikit, umpamanya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), peruntukannya hanya berjumlah RM 33.0 juta, iaitu merupakan 0.05% daripada keseluruhan peruntukan. Ini bermakna setiap kampung baru Cina di negara ini hanya mendapat peruntukan tahunan sebanyak RM 14,602.00. Peruntukan yang kecil ini bukan sahaja tidak mampu membawa sebarang kemajuan kepada kampung baru Cina malah menyelenggarakan prasarana yang sedia ada pun menjadi masalah. Jadual berikut menunjukkan hakikat sebenar pengagihan peruntukan :

Jadual 4.8 Peruntukan Rancangan Malaysia (II - VII) bagi Pembangunan Kampung Baru Cina (RM juta)

Rancangan Malaysia	Peruntukan Kampung Baru Cina	Jumlah Keseluruhan Peruntukan	Peratus Peruntukan
Kedua (1970 - 1975)	12.0	10255.0	0.11
Ketiga (1976 - 1980)	19.0	36772.0	0.05
Keempat (1981 - 1985)	25.0	48859.5	0.05
Kelima (1986 - 1990)	13.0	40075.4	0.03
Kecnam (1991 -1995)	21.6	55000.0	0.04
Ketujuh (1996- 2000)	33.0	67500.0	0.05

Sumber : Lim & Soong (2002 : 45 & 56) ; Malaysia (1991c & 1996b)

Pengabaian kerajaan dalam hal ini telah menimbulkan beberapa masalah yang menghimpit komuniti di kampung baru Cina. Antaranya ialah kekurangan kemudahan asas, pengangguran, kesesakan, dan kemerosotan mutu pelajaran. Hal yang demikian menyebabkan penghuni-penghuni ini hidup dalam persekitaran yang serba kekurangan dan daif. Anak-anak mereka pula terbiar dalam pelajaran yang seterusnya menyekat peluang mobiliti sosial mereka. Umpamanya hanya kurang dari 2% pelajar kampung baru Cina dapat memasuki universiti awam tempatan (Ibid. : 97). Malah ada antara mereka yang tercicir dalam pelajaran didapati terbabit dalam kongsi gelap dan kegiatan jenayah. Ini menunjukkan golongan komuniti tersebut tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada kerajaan.

Sementara itu kemudahan-kemudahan sosial untuk komuniti Cina di luar dari kawasan kampung baru Cina juga tidak diberi perhatian yang berpatutan daripada kerajaan. Komuniti Cina di seluruh negara sentiasa menghadapi masalah kekurangan

tanah perkuburan dan tempat beribadat. Rumusan yang diberi oleh seorang pengkaji tepat menggambarkan dilema sosial ini :

Many actions of government administration appeared to proceed on the assumption that the non-Malay communities did not exist, or at least, that they did not warrant proportionate consideration in the delivery of government services or in development planning. When the new master plan for the long-term urban development of Kuala Lumpur and its satellite urban areas was unveiled, there were plans for mosques and Malay cemeteries, but practically no provisions for temples, churches, and other non-muslim places of worship, and no provision for non-Muslim cemeteries. It was as if the planners expected all Malaysians to become Muslim or, for planning purposes, to vanish from the human geography of the country.

(Means 1991 : 133-134)

4.6 Rumusan

Peletusan Peristiwa 13 Mei yang menampilkan gugatan orang bukan Melayu, terutamanya orang Cina terhadap pemerintahan Melayu telah menyedarkan elit-elit politik Melayu untuk memperjuangkan politik ketuanan Melayu. Dengan kekuasaan politik yang diperoleh, mereka telah menggubal dasar-dasar negara bagi memastikan dominasi orang Melayu dalam hampir segenap bidang. Ini dilakukan dengan sedar supaya orang Cina tidak lagi berupaya mencabar pemerintahan dan kedudukan orang Melayu. Penggunaan alat-alat pemerintah dan birokrat yang pro-Melayu menjamin proses hegemoni ini dapat berjalan dengan lancar. Dan natijah dari proses ini ialah pemunggiran kuasa politik orang Cina yang semakin ketara. Peminggiran ini juga bertokok hasil daripada budaya politik elit-elit Cina yang semakin mengutamakan kepentingan diri daripada memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina.

Perkembangan ini menyaksikan kepentingan-kepentingan masyarakat Cina semakin terhakis akibat hegemoni Melayu dan tanpa pembelaan yang sewajarnya oleh elit politik Cina. Hal yang demikian menyumbang kepada kewujudan dilema-dilema yang mencengkam masyarakat Cina dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, dan sosial. Kewujudan dilema ini merupakan kesan langsung daripada perjuangan elit-elit Melayu dalam merealisasikan agenda Melayu. Dilema-dilema yang berterusan ini telah mendorong kemunculan dan kebangkitan Huatuan sebagai kumpulan kepentingan yang memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Cina. Ini dapat dilihat melalui tindakan Huatuan membabitkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam percaturan politik di Malaysia lantaran langkah ini dianggap sebagai jalan keluar yang berkesan kepada dilema yang menghimpit masyarakat Cina.